

LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2022





LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
2022

Kandungan



	1.0 Maklumat Korporat	
4	1.1 Sejarah Penubuhan	
6	1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif	
7	1.3 Matlamat Pendidikan	
7	1.4 Piagam Pelanggan	
8	1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020	
10	1.6 Data Ringkas	
25	3.0 Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	
36	5.0 Petunjuk Prestasi Utama dan Keberhasilan Utama UTeM Bagi Tahun 2022	
68	7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan	
96	9.0 Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	
121	11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT	
151	13.0 Pengurusan Bakat	
	2.0 Latar Belakang	
	2.1 Canselor	12
	2.2 Pro Canselor	15
	2.3 Lembaga Pengarah Universiti	17
	2.4 Pengurusan Tertinggi Universiti	19
	2.5 Senat Universiti	21
	2.6 Jawatankuasa Audit 2021	23
	2.7 Struktur Organisasi	24
	4.0 Pencapaian Berimpak UTeM 2021	29
	6.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	38
	8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	82
	10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	111
	12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Holistik	133
	14.0 Prestasi dan Laporan Kewangan	166

MAKLUMAT KORPORAT

1.0



Maklumat Korporat

1.1 Sejarah Penubuhan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai World Heritage Site. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas penubuhan UTeM adalah berpandukan model '*fachhochschule*' (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan 'practical-oriented'. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima (5) program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan 4 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Penubuhan FTK pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia selaras dengan tagline UTeM iaitu "Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui".

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



1.2 Visi, Misi Objektif

VISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- i. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

OBJEKTIF

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu (K-profesional).
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurang kebergantungan kewangan.
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.

1.3 Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai kalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

1.4 Piagam Pelanggan

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Biasiswa Kementerian;
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel
- iv. Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang;
Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima.
- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar.
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh empat 4 bulan selepas penerimaan.
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisien, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian.

- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu;
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar;
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari;
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit;
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut; Peserta mendapat surat jemputan menghadiri
- xiii. kursus; Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi
- xiv. program yang diperolehi dalam tempoh 2 hari bekerja; Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/
- xv. kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis; Memaklumkan kepada peserta tentang
- xvi. pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja; dan Perpustakaan menyediakan perkhidmatan
- xvii. Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM.

1.5 Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

1.6 Pelan Strategik UTeM 2021-2022

Sepanjang tahun 2021 hingga 2022, UTeM dipandu oleh Pelan Strategik yang dikenali sebagai Tujuh Sasaran Strategik UTeM / Seven Strategic Goals of UTeM (SSG). Dokumen SSG UTeM merupakan kesinambungan daripada perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik UTeM 2012-2020 sebelum ini. Ia beraspirasikan “Universiti Yang Melahirkan Teknologis Berkemahiran Tinggi dan Memperkasa Inovasi Serta Memberi Impak Terhadap Industri dan Masyarakat” merupakan fasa baharu untuk merealisasikan Visi UTeM iaitu “Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia”.

Agenda utama transformasi dalam SSG ini ialah memartabatkan UTeM sebagai sebuah organisasi pendidikan tinggi yang terus berwibawa melonjakkan lagi sektor pendidikan tinggi teknikal ke puncak kecemerlangan serta dapat menghasilkan dapatan yang memiliki daya saing, inovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

Pembentukan Tujuh Sasaran Strategik UTeM 2021-2022 ini juga adalah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 - Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) yang merangkumi pendekatan pembangunan organisasi berasaskan kecemerlangan perkhidmatan pendidikan, jaringan penyelidikan industri dan komuniti, pembangunan pelajar, kepimpinan sumber manusia, kemudahan sistem dan capaian dan pengurusan kewangan.

SSG UTeM tersebut adalah seperti berikut:

1. Universiti Pilihan Pelajar
2. Graduan Pilihan
3. Penyedia Penyelesaian untuk Kemajuan Industri dan Komuniti
4. Bakat yang Kompeten dan Cekal
5. Tersohor di Peringkat Global
6. Kampus Pintar dan Dinamik
7. Kewangan yang Mampan

Pelan strategik ini juga menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan samada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi Universiti bagi melonjakkan sektor pendidikan tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.



1.7 Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP):
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Tarikh Penubuhan:
1 Disember 2000

No. Rujukan Akta Penubuhan:
Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [P.U. (A) 45/2007]

Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:
**Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin
Naib Canselor**

Alamat:
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia**

No. Telefon :
+606 270 1000

No. Faks:
+606 270 1022

Alamat emel :
vc_utem@utem.edu.my

Laman web:
<http://www.utem.edu.my>

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/Pusat (**Luar
Kampus Induk**)

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia

**Pusat Pembangunan Perusahaan dan
Teknousahawanan (CREATE)**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka, Malaysia

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan
Elektronik**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Kelestarian Alam Sekitar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pejabat Penasihat Undang – Undang

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia



LATAR BELAKANG

2.0

2.1 Canselor

**Tuan Yang Terutama
Tun Seri Setia
(Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam**
Yang di-Pertua Negeri Melaka
5 Ogos 2020 sehingga 3 Jun 2024



2.2

Pro Canselor

Pro Canselor

Datuk Dr. Sabirin Bin Ja'afar

15 Nov 2019 sehingga 14 Nov 2022





Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad

15 Jan 2021 hingga 14 Jan 2024



2.3

Lembaga Pengarah Universiti



Pengerusi

Datuk Seri Dr. Haji Hashim bin Hasan

Ahli



Profesor Datuk
Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin



YB Datuk Wira
Zaidi bin Johari



Tuan Haji Kamaruzaman
bin Mahmood



Zulkhairil Amar bin Mohamad



Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin
Bin Sahib, FASc.



Datuk Nik Airina
binti Nik Jaffar



Dato' Mohammad Azlan
bin Abdullah



Farnida binti Ngah



Ts. Dr. Zahri bin Yunos



Dato' Aminuddin
bin Md Hanafiah



Mazlina binti Mokhtar



Setiausaha
Masdzarif bin Mahat



2.4 Pengurusan Tertinggi Universiti



Naib Canselor
Professor Datuk Ts. Dr. Massila
Binti Kamalrudin



Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
Professor Dr. Zulkifilie
Bin Ibrahim



Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
Professor. Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar



Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
Professor Madya
Datuk Dr. Sabri
Bin Mohamad Sharif



Ketua Pegawai Operasi
Masdzarif Bin Mahat



Bendahari
Khairul Bin Taib



Penasihat Undang-undang
Datuk Azhar Bin Mohamed

Pegawai Kanan Universiti



**Dekan
Pusat Pengajian
Siswazah**
Profesor
Dr. Mohd Rizal bin Salleh



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektrik**
Profesor Madya
Dr. Hidayat bin Zainuddin



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektronik dan
Kejuruteraan
Komputer**
Profesor Madya
Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal**
Profesor Madya
Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan**
Profesor
Ir. Dr. Hambali bin Arep@Ariff



**Dekan
Fakulti Teknologi
Maklumat
dan Komunikasi**
Profesor Madya
Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi




**Dekan
Fakulti Pengurusan
Teknologi dan
Teknousahawanan**
Profesor Madya
Dr. Mohd Syaiful Rizal bin
Abdul Hamid



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Elektrik
dan Elektronik**
Ts. Dr. Rostam Affendi
Bin Hamzah



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan
Mekanikal
dan Pembuatan**
Profesor Ts. Dr. Effendi
bin Mohamad



**Dekan
Institut Pengurusan
Teknologi dan
Keusahawanan**
Profesor Madya Dr. Safiah
Binti Sidek



**Dekan
Pusat Bahasa
dan Pembangunan
Insan**
Nurlisa Loke binti Abdullah

2.5

Senat Universiti

Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin

Pengerusi - Naib Canselor

Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Ir. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Profesor Dr. Mohd Rizal bin Salleh

Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Dr. Hidayat bin Zainuddin

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Madya Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Madya Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep@Ariff

Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi

Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Madya Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid

Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahwanan

Ts. Dr. Rostam Affendi bin Hamzah

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Ts. Dr. Effendi bin Mohamad

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Profesor Madya Dr. Safiah binti Sidek

Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan

Nurlisa Loke binti Abdullah

Dekan Pusat Pembelajaran Bahasa

Profesor Dr. Abdul Rani bin Othman

Profesor

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Ir. Dr. Badrul Hisham bin Ahmad

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Dr. Zahriladha bin Zakaria

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep @ Ariff

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib

Profesor
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani

Profesor
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ts. Dr. Burhanuddin bin Mohd Aboobaidar

Profesor
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ir. Dr. Kenneth a/l Sundaraj

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff

Pengarah
Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko

Encik Masdzarif bin Mahat

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Encik Khairul bin Taib

Bendahari

Datuk Azhar bin Mohamed

Penasihat Undang-undang

Encik Azman bin Ayup

Ketua Pustakawan

2.6

Jawatankuasa Audit 2022



Pengerusi
YB Datuk Wira
Zaidi bin Johari



Ahli
Datuk Nik Airina
Binti Nik Jaffar



Ahli
Dato' Aminuddin
bin Md Hanafiah



Ahli
Zulkhairil Amar
Bin Mohamad



Ahli
Ts. Dr. Zahri bin Yunos



LAPORAN PENGGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

3.0



Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Laporan Tahunan 2022 dapat diterbitkan untuk rujukan semua pihak. Terlebih dahulu saya mengucapkan sekalung penghargaan dan syabas kepada YBrs. Naib Canselor dan semua warga Universiti yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan memberikan komitmen padu dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan UTeM 2022 ini.

Menyingkap kembali tahun 2022 merupakan tahun yang mencabar untuk bangkit kembali setelah Pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia. Universiti telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif dan program berimpak tinggi selaras dengan rangka Pelan Strategik Universiti baharu.

UTeM turut menerima kehadiran pelajar baharu dengan jumlah enrolmen seramai 2,166 orang pelajar untuk mengikuti program di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi kemasukan sesi akademik 2022/2023 manakala seramai 397 orang pelajar peringkat Diploma bagi kemasukan sesi akademik 2022/2023. Jumlah enrolmen pelajar UTeM keseluruhan sehingga 31 Disember 2022 adalah seramai 11,946.

Selanjutnya UTeM telah melaksanakan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-17 pada 14 hingga 17 Mac 2022 dan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-18 pada 5-7 November 2022. Kedua-dua majlis tersebut telah diadakan di Dewan Canselor, UTeM. Majlis Konvokesyen UTeM Ke-17 melibatkan seramai 3,275 orang graduan, manakala pada Majlis Konvokesyen UTeM Ke-18 melibatkan seramai 3,149 orang graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka dalam bidang masing-masing. Universiti merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan dan ucapan terima kasih atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor menghadiri kedua-dua Majlis Konvokesyen UTeM Ke-17 dan Ke-18 tersebut.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan terutama untuk merencanakan kembali aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di UTeM. Memasuki Fasa Endemik 2022, UTeM telah membenarkan pelajar kembali ke kampus pada Semester II, Sesi 2021/2022 melibatkan 80% pelajar daripada jumlah enrolmen UTeM ke kampus mulai Mac 2022 melalui 2 fasa iaitu Fasa 1 pada 2 hingga 6 Mac 2022 dan Fasa 2 pada 14 Mac 2022. Pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran turut dilaksanakan melalui 3 mod iaitu secara dalam talian sepenuhnya, hibrid dan bersemuka.

Pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% bagi Semester I, Sesi 2021/2022 yang melibatkan seramai 12,765 pelajar termasuk pra siswazah dan pasca siswazah dengan jumlah pengurangan keseluruhan sebanyak RM3,007,502.00 (20%) daripada jumlah keseluruhan yuran berjumlah RM14,883,010.00. Selain itu, pelaksanaan bantuan kewangan, pemberian komputer riba dan agihan wang zakat tahun 2021 melibatkan seramai 4,262 orang pelajar berjumlah RM1,703,210.00.

Program kerjasama peringkat antarabangsa antara UTeM dan pihak Zhongxing Education Management Co. Ltd., WUXI (ZEM) pada 20 Januari 2022 telah diadakan dan termeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bagi tempoh sepuluh 10 tahun dengan penawaran 3 program pengajian di peringkat Bachelor of Technology in Internet of Thing, Bachelor of Technology in Telecommunication dan Bachelor of Technology in Cloud Computing and Application.

Selain itu, satu Forum Kerjasama Pendidikan Malaysia-China (Guizhou) Ke-2 Tahun 2022 telah diadakan pada 24 Ogos 2022 sempena dengan 2022 China-ASEAN Education Exchange

Week anjuran bersama Malaysian Technical University Network (MTUN), Education Malaysia Beijing dan Guizhou Institute of Technology (GIT) secara hibrid. Turut diadakan sesi menandatangani Letter of Intent (LoI) antara MTUN dan GIT, China.

Universiti turut menerima lawatan kerja delegasi daripada negara Australia pada 4 hingga 5 September 2022 melibatkan wakil dari The University of Western Australia, Swinburne University of Technology, Macquarie University, Curtin University, Griffith University, Western Sydney University dan University of Wollongong. Program mobiliti negara Australia tajaan Kerajaan Australia melalui New Colombo Plan (NCP) telah menaja seramai 10,000 pelajar setahun di serata negara Indo-Pasifik termasuk Malaysia. Bagi tahun 2022, Kerajaan Australia telah memperuntukkan sejumlah AED22,111,557 bagi menaja 6,276 orang pelajar.

Akhir kata, semoga segala pencapaian yang digapai sepanjang tahun 2022 ini akan menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan kini dan seterusnya. Saya berdoa agar kesepakatan dan semangat kebersamaan dalam UTeM terus erat dan kukuh dalam sanubari semua warga demi merealisasikan kelangsungan serta kejayaan visi dan misi Universiti. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.


Datuk Seri Haji Dr. Hasim bin Hasan
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



PENCAPAIAN BERIMPAK UTeM 2022

4.0





Pencapaian Berimpak UTeM 2022

Program Anak Emas UTeM

UTeM terus berinisiatif tinggi apabila julung kalinya telah menawarkan program Anak Emas dengan menawarkan tajaan pengajian dan wang saku pelajar membabitkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM90,324.00 yang telah disalurkan melalui Yayasan Canselor. Program Anak Emas tersebut telah dijayakan oleh UTeM bermula tahun lalu yang mana pengajian para pelajar tersebut telah mula ditanggung secara sepenuhnya.

Program ini jelas menzahirkan kepekaan dan keprihatinan tinggi UTeM dalam menyediakan tempat dan peluang pengajian kepada golongan yang kurang berkemampuan namun mempunyai latar pendidikan cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pengajian di peringkat tinggi sekaligus dapat membantu keluarga mencorak masa depan yang lebih kondusif pada masa akan datang.

Pengkomersialan Inovasi

UTeM terus memartabatkan semarak kecemerlangan penyelidikan dan inovasi dengan merencanakan pengkomersialan produk-produk berinovasi tinggi yang memberikan impak langsung kepada industri dan komuniti dalam negara malahan bermanfaat buat komuniti sejagat.

Sehubungan itu tahun 2022 UTeM telah berjaya mengkomersialkan 6 produk inovasinya yang terdiri daripada Beca Elektrik (eBECA) Melaka, Kesidang CNC 3D Router, Intelligent Fire Alarm System (iFAST), UTeM-Perkeso 3D Printed Socket, Engineered Microbes in Reducing Carbon Footprint and Cost Yet with Higher Yield for Paddy Plantation Myth or Fact dan BMW Powertrain Assembly System.

Pencapaian Cemerlang Produk Penyelidikan dan Inovasi UTeM

Pada tahun 2022, kebanyakan pertandingan inovasi telah dilaksanakan secara hibrid iaitu secara fizikal dan juga online. UTeM tidak ketinggalan telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa anjuran agensi swasta, badan akademik dan profesional. UTeM telah berjaya mencapai 100% kemenangan melalui kutipan sejumlah 40 pingat di *Malaysia Technology Expo (MTE) 2022, 33rd International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2022* dan Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2022. UTeM juga turut bertanding dalam pertandingan inovasi anjuran Universiti awam dan swasta di peringkat kebangsaan dan telah berjaya mencapai 100% kemenangan sejumlah 53 pingat.

Anugerah Buku Negara

Hasil tulisan Naib Canselor UTeM, Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin, mendapat pengiktirafan pada Anugerah Buku Negara 2022 yang dianjurkan bersempena Ekspo Buku Malaysia. Karya berjudul 'Inaugural Lecture Series: Improving Technical Product Quality Through Requirements Engineering' itu dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Perdana (Syarahan Perdana).

Sementara itu pada majlis sama judul terbitan Penerbit UTeM iaitu 'Pemeriksaan Aktiviti Pengkomersialan Produk Penyelidikan di Universiti' karya Prof. Madya Dr. Norain Ismail, Dr. Zawiah Mat dan Prof. Madya Dr. Sazelin Arif turut diangkat sebagai penerima anugerah kategori Pengajian Tinggi (Buku Perniagaan dan Ekonomi Terbaik). Penglibatan dan komitmen Penerbit UTeM dalam menerbitkan karya-karya ilmiah semenjak tahun 2004 juga mencipta kejayaan yang tersendiri apabila turut menerima anugerah bagi kategori Penerbit Universiti Berpotensi.

Anugerah berkenaan disampaikan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid pada majlis berlangsung di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia pada bulan September 2022.

UTeM Terima Geran Penyelidikan RM3.9 Juta

UTeM telah berjaya menerima geran penyelidikan berjumlah RM3.9 juta bagi 37 projek Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang mana meliputi 3 jenis geran utama iaitu Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP), Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) dan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS).

Geran penyelidikan terbesar diperoleh menerusi geran KKP berjumlah RM500,000 melalui projek konsortium penyelidikan Green Tribo-Vehicle Consortium (GTVC) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Fadzli Abdollah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Projek tersebut turut melibatkan kerjasama penyelidik dari Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Geran KKP yang diterima ini sekaligus mengiktiraf dan mengangkat kepakaran universiti ini dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan teknologi hijau.

UTeM turut menerima geran PRGS bernilai RM120,650 bagi projek penyelidikan pembangunan prototaip *Upscaling and Testing a Vacuum System Integrated Open Source Fused Deposition Modeling System for Improved Printed Parts* yang diketuai Prof. Madya Ts. Dr. Shajahan Maidin dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Sementara itu, geran FRGS bernilai RM3.3 juta bagi 35 projek penyelidikan dan nilai tertinggi bagi projek FRGS yang diperolehi ialah RM193,000 menerusi penyelidikan yang diketuai oleh Prof. Madya. Ts. Dr. Lau Kok Tee dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan.

Tambah mengagumkan, 17 daripada penerima geran FRGS tahun ini merupakan penerima kali pertama hasil daripada ketekunan dan inisiatif UTeM melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (CRIM). Antaranya dengan banyak menganjurkan pelbagai bengkel komprehensif dan penilaian dalaman yang konstruktif khusus bagi membantu penyelidik UTeM untuk menghasilkan kertas kajian yang berkualiti dan berjaya dalam permohonan geran bawah dana KPT.

Julung kali diadakan: UTeM anjur Konvensyen Keusahawanan Teknikal Wanita 2022

Sempena Minggu TVET Negara, UTeM menganjurkan Konvensyen Keusahawanan Teknikal Wanita (WTC) 2022 bertemakan “Usahawan Teknikal Wanita: Penjana Kemakmuran”. WTC yang julung kali diadakan selama 2 hari ini pada 15 dan 16 Jun 2022 bertempat di Dewan Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka dan masuk adalah percuma dan tiada sebarang bayaran penyertaan dikenakan.

Program ini menjadi wadah kepada para wanita mendapat pendedahan komprehensif menceburi bidang keusahawanan teknikal daripada pakar dalam bidang ini. WTC yang pertama kali diadakan ini menjadi pelopor bidang keusahawanan teknikal buat golongan wanita. Program ini menjadi pendorong kepada kaum wanita untuk menceburi sebagai usahawan teknikal yang bukan sahaja mampu meningkatkan ekonomi keluarga malahan turut menyumbang kepada kebajikan, kesejahteraan dan kemakmuran negara dengan sentuhan kasih sayangnya.

Antara pengisian program adalah bengkel latihan keusahawanan *Women DNA* bersama INSKEN, bengkel tatarias diri *Women of Wisdom* bersama i-LEAD, forum meja bulat, ekspo pameran keusahawanan dan inovasi dan karnival serta aktiviti keusahawanan. Penyertaan adalah terdiri daripada kaum wanita dari seluruh negeri Melaka khususnya dan Malaysia amnya. UTeM selaku institusi kecemerlangan ilmu sentiasa prihatin dan turut menjadi ejen kepada inisiatif dan mekasnime ke arah membawa pembangunan kepada seluruh kaum wanita.

Majlis perasmian penutup WTC 2022 telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad pada petang 16 Jun 2022.

Kompleks Dewan Kuliah UTeM Beri Manfaat Pada 14,000 Pelajar

Kompleks Dewan Kuliah baharu UTeM yang siap dibina baru-baru ini mampu memberi manfaat kepada kira-kira 14,000 pelajar di sini. Terbinanya kompleks dewan kuliah itu seiring peningkatan enrolmen pelajar UTeM pada setiap sesi kemasukan.

Jelasnya, perancangan pembangunan dan fasiliti UTeM yang strategik dan holistik ini adalah bagi memastikan kemudahan disediakan dapat memberi keselesaan dan melengkapinya sekali gus menyokong proses pengajaran serta pembelajaran serba kondusif.

Projek ini mendapat kelulusan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dengan kelulusan kos siling berjumlah RM15 juta dan siap dibina oleh syarikat pembina iaitu Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad.

Kompleks tersebut berkeluasan 4,452.0 meter persegi dilengkapi dua Dewan Kuliah jenis bertingkat dan dua Dewan Kuliah jenis rata yang mana setiap satu berkapasiti 300 orang di samping empat Dewan Kuliah jenis rata berkapasiti 150 orang serta dua bilik bacaan serta infrastruktur sokongan. Turut dilengkapi ruang pejabat pentadbiran yang menempatkan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) yang mampu diisi seramai 19 staf yang telah beroperasi di Kompleks Dewan Kuliah ini pada hujung Januari 2022.

Majlis Simbolik Penyerahan Kunci kompleks itu disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Datuk Seri Abdul Razak Jaafar di Kampus Induk UTeM. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT, Dr Mohd Zabri Yusoff; Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka Datuk Ismail Abd Rahman dan Pengerusi Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad, Shamsuddin Yusof.

Perkenal Menu Keluarga UTeM, Bantu Pelajar B40

UTeM memperkenalkan konsep Menu Keluarga UTeM sebagai langkah mengawal kenaikan harga makanan dan minuman dalam kampus bagi membantu pelajar golongan B40. Menu Keluarga UTeM merupakan makanan berat dan berkhasiat mengandungi set nasi berlauk bersama air yang diperkenalkan menerusi 2 variasi iaitu dengan harga RM3 dan harga RM4 bagi set makanan.

Bagi memantapkan kawalan harga makanan dan terus cakna kebajikan pelajar, kami melaksanakan sistem pemberian bantuan makanan kepada pelajar B40. Ini bagi memastikan pelajar UTeM tidak terbeban meskipun dunia dan negara sedang menghadapi gelombang kenaikan harga barangan.

Pada masa yang sama aspek kebajikan pengusaha kafeteria turut dipelihara kerana mereka berhadapan kenaikan harga barangan namun perlu mengekalkan harga makanan pada kadar sedia ada. Justeru UTeM bersetuju membantu meringankan bebanan kos pengusaha kafeteria UTeM dengan memberikan pengecualian sewa bulanan bermula bulan Julai sehingga Disember 2022.

Peningkatan Infra UTeM Naik Taraf Jalur Lebar Kampus Teknologi

Usaha penambahbaikan perkhidmatan ICT sentiasa dilakukan secara berterusan sejajar dengan perkembangan teknologi serta menampung keperluan inisiatif pendigitalan UTeM secara menyeluruh. Internet merupakan antara perkhidmatan yang kritikal sebagai agen perubahan dan inovasi proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta pentadbiran supaya dapat dilaksanakan pada keupayaan yang optimum dan lebih efisien.

Sedar dengan keperluan yang meningkat, internet Kampus Teknologi telah ditambah kapasiti daripada 1Gbps kepada 2Gbps bermula bulan Oktober 2022. Ia dilaksanakan melalui kontrak bersama Time dot COM (TIME). Kontrak perkhidmatan internet ini meliputi Kampus Induk, Kampus

Teknologi serta sambungan rangkaian antara kampus UTeM. Beberapa nilai tambah seperti penggunaan *Advanced Threat Protection* (ATP) juga dilaksanakan bagi mengurangkan risiko keselamatan siber.

UTeM Bangunkan Modul TUAH Indeks

Modul TUAH Indeks dibangunkan bagi mengukur pembangunan mahasiswa dalam aspek kemahiran insaniah, merit keaktifan dan kompetensi mahasiswa melalui penglibatan ko-kurikulum, aktiviti dan program sepanjang berada di UTeM dan boleh dilihat atau dipantau terus secara dalam talian.

Modul TUAH Index ini juga digunakan bagi menyokong pengurusan dalam memberi pengiktirafan kepada pelajar yang mempunyai semua ciri-ciri definisi TUAH iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik semasa majlis konvokesyen dengan penganugerahan Anugerah Khas TUAH.

Antara impak pembangunan Modul TUAH Indeks adalah seperti pelajar boleh menyemak pada bila-bila masa elemen Tuah Index individu, memberikan motivasi kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam pelbagai program dan aktiviti sepanjang pengajian, dapat mengukur secara terus penglibatan mahasiswa secara menyeluruh dalam kurikulum, aktiviti dan program serta dapat menilai dan menganalisa pencapaian mahasiswa sepanjang pengajian dan dijadikan merit keaktifan dan kompetensi mahasiswa.

Spider Web TUAH Indeks turut diukur merangkumi teknikal dan inovasi, akademik dan kerjaya, etika dan kerohanian, kebudayaan dan identity nasional, keusahawanan, pengurusan dan kepimpinan, suka dan rekreasi dan sukarelawan.

Penambahan 2 Program Baharu Pascasiswazah

Selari dengan keperluan semasa dalam konteks kerancangan penawaran program pengajian peringkat siswazah maka pada tahun 2022 sebanyak 2 program baharu telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan telah pun ditawarkan dengan jayanya pada semester 1 2022/2023 di bawah Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK).

Keusahawanan (IPTK).

Program tersebut adalah seperti di bawah:

1. Sarjana Pengurusan Maklumat Perniagaan
2. Sarjana Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan

UTeM Terus Cemerlang Dalam Penarafan Quacquarelli Symonds (QS) dan Times Higher Education (THE)

Pada tahun 2022, UTeM mempamerkan pencapaian cemerlang dalam penarafan khususnya dalam penarafan yang dianjurkan oleh Quacquarelli Symonds (QS) dan juga Times Higher Education (THE) yang merupakan badan penarafan utama di dunia.

UTeM telah disenaraikan pada kedudukan 451-500 dalam penarafan *QS Asia University Rankings*. UTeM juga diisytiharkan pada kedudukan 72 di kalangan institusi di Asia Tenggara. Pada kedudukan tersebut, indikator Peratus Pelajar Antarabangsa dilihat sebagai kekuatan utama UTeM pada edisi penarafan kali ini. Manakala dalam penarafan yang berkaitan bidang pula, UTeM telah disenaraikan pada kedudukan 501-520 dalam bidang kejuruteraan – mekanikal, aeronautik dan pembuatan. Penyenaraian ini amat bertepatan sekali memandangkan UTeM merupakan universiti teknikal dan salah sebuah universiti di bawah rangkaian MTUN.

UTeM juga turut tersenarai dalam penarafan yang dianjurkan oleh *THE*. Pada tahun 2022, nama UTeM dinobatkan dalam senarai *THE World University Rankings* pada kedudukan 1201-1500. Manakala di peringkat Asia, UTeM tersenarai pada kedudukan 501+ dalam penarafan *THE Asia University Rankings*. Dalam penarafan *THE World University Rankings by Subjects*, UTeM disenaraikan dalam 3 bidang iaitu bidang perniagaan dan ekonomi pada kedudukan 801+, bidang sains komputer pada kedudukan 801+ manakala bidang kejuruteraan pula pada kedudukan 1001+.

Mahasiswa UTeM Hamdanwahid Olahragawan MASUM

Atlet taekwondo Hamdanwahid Rinaldi (22 tahun) yang merupakan mahasiswa UTeM telah dinobatkan sebagai Olahragawan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2019 dalam satu acara berlangsung di Melaka pada bulan Februari 2022. Antara kejayaan unggul beliau di peringkat dunia apabila telah berjaya memenangi gangsa bersama pasukannya pada kejohanan Sukan Universiti Dunia (Universiade) Ke-30 di Napoli, Itali sebelumnya.

Beliau telah menerima anugerah yang disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Datuk Seri Abdul Razak Jaafar dan membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM3,000, trofi iringan pemenang dan sijil penghargaan. Sebanyak 11 anugerah turut disampaikan antaranya atlet terbaik universiti, pasukan terbaik kategori lelaki dan wanita serta jurulatih dan pegawai yang sentiasa berjuang membangunkan industri sukan.

Mahasiswa UTeM Syed Abrar Jaguh Rejam Lembing Asia Tenggara

Mahasiswa UTeM Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi merupakan jaguh dalam acara rejam lembing dan beliau telah mencatatkan rangkaian kejayaan memberangsangkan dengan merangkul rantaian pingat emas dalam pelbagai temasya sukan peringkat negeri, kebangsaan dan Asia Tenggara.

Beliau telah merangkul pingat emas acara rejam lembing di Sukan Universiti ASEAN 2022 Ubon Ratchathai, Thailand pada 30 Julai hingga 6 Ogos 2022, Kejohanan SUKIPT 2022, MAF National Athletics Championships 2022 anjuran Kesatuan Olahraga Malaysia di Bukit Jalil Kuala Lumpur pada 5 hingga 6 Mac 2022, Kejohanan Olahraga Sirkuit 1 di Johor Bahru pada 18 hingga 20 Mac 2022 dan Kejohanan Olahraga Sirkuit 2 (Utara) 2022 di Kangar Perlis pada 20 hingga 22 Mei 2022.

Sekumpulan Mahasiswi UTeM Johan Berpasukan Wanita IPT 2022

Sekumpulan 4 orang mahasiswi UTeM yang terdiri daripada Ida Rohayu binti Abd Karim, Nurizzah Liyana binti Mohd Apendi, Nurul Farah Nissa binti Abd Wasi dan Nurul Izzah binti Saipul Azhar telah berjaya merangkul takhta juara bagi acara berpasukan wanita IPT 2022 menerusi *Varsity Cycling Challenge 2022* bertempat di Parit Sulong pada 25 hingga 26 Mac 2022.



5.0

**PETUNJUK PRESTASI
UTAMA DAN
KEBERHASILAN
UTAMA UTeM
BAGI TAHUN 2022**

Petunjuk Prestasi Utama dan Bidang Keberhasilan Utama

Jadual Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2022

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran	Pencapaian
1.	Peratus kebolehpasaran graduan di universiti.	80%	96.4%
2.	Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	2.00	1.38
3.	Peratus penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus	15%	18.9%
4.	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	7.055	34.82
5.	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	≤5%	2.5%
	(ii) Sarjana	≤3%	3.4%
	(iii) PhD	≤2%	4.9%
6.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	85%	92.7%
	(ii) Sarjana	70%	55%
	(iii) PhD	40%	18.6%
7.	Bilangan pelajar antarabangsa di universiti.	800	552



6.0

**MELONJAK
KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN
TEKNIKAL**

Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal

Prasiswazah

Program Akademik

Pada tahun 2022, UTeM telah menawarkan sebanyak 5 program di peringkat Diploma dan 42 program di peringkat Sarjana Muda. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Jadual 1 Penawaran Program Diploma dan Sarjana Muda di UTeM

Fakulti	Program Akademik
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	Diploma Kejuruteraan Elektrik
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	Diploma Kejuruteraan Elektronik
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Diploma Kejuruteraan Pembuatan
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Industri dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	Diploma Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) dengan Kepujian

Fakulti	Program Akademik
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengkomputeran Awan dan Aplikasi dengan Kepujian
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan dan Logistik) dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi <i>Internet of Things</i> (IoT) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Telekomunikasi dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyaman Udara) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kepujian




UTeM Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) Laksana Program Latihan Sebelum Pelajar Bergraduati

UTeM telah memperolehi dana dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi program di bawah Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) untuk melaksanakan program-program yang memberi nilai tambah dalam bentuk sijil profesional kepada kelayakan sedia ada. Ini bagi meningkatkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya sendiri dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan.

UTeM telah menerima dana di bawah Program Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) sebanyak 14 program pensijilan dengan jumlah keseluruhan RM2,871,000.00.

Pemeriksaan Program Akademik Melalui Kursus Persediaan Pensijilan Profesional

Seramai 2,374 orang graduan ijazah sarjana muda telah bergraduati dengan sijil profesional dan sebanyak 33 kursus pensijilan profesional telah ditawarkan pada tahun 2022 kepada pelajar UTeM.



Rajah 1 Jumlah Graduan Dengan Kursus Pensijilan Profesional

Jadual 2 Senarai Kursus Persediaan Pensijilan Profesional Yang Ditawarkan di UTeM

BIL	BIDANG UTAMA	NAMA KURSUS	TAHAP SIJIL
1	ELEKTRONIK (6)	MOTOROLA EMBEDDED WIRELESS COMMUNICATION CERTIFICATION	PENUH
2		SMC PLC PNEUMATIC CERTIFICATION	PENUH
3		LEVEL 1 TRIZ CERTIFICATION	PENUH
4		FIBER OPTIC TECHNOLOGY COMPETENCY CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIaan
5		IBM CERTIFIED SPECIALIST - SPSS STATISTICS LEVEL 1 V2 CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIaan
6		DEEP LEARNING IN COMPUTER VISION CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIaan
7		LEAN SIX SIGMA YELLOW BELT PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH

BIL	BIDANG UTAMA	NAMA KURSUS	TAHAP SIJIL
8	MEKANIKA (9)	HYPERMESH CERTIFICATION	PENUH
9		SOLIDWORKS ASSOCIATE CERTIFICATION	PENUH
10		CATIA V6 – PART DESIGN ASSOCIATE CERTIFICATION	PENUH
11		AUTOCAD PROFESSIONAL CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIAAN
12		NDT CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIAAN
13		FLAMMABLE REFRIGERANT CERTIFIED PERSONNEL CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIAAN
14		ERGONOMICS TRAINED PERSON (ETP) CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIAAN
15		CATIA V5 PART DESIGN PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH
16		ELEKTRIKAL (6)	LABVIEW ASSOCIATE DEVELOPER CERTIFICATION
17	PROGRAMMABLE LOGIC CONTROLLER (PLC) LEVEL 1 & 2 CERTIFICATION		PENUH
18	SMCT MT1 - PRACTICAL MECHATRONICS 1 CERTIFICATION		PENUH
19	IoT FUNDAMENTALS: CONNECTING THINGS PROFESSIONAL CERTIFICATION		PENUH
20	IoT FUNDAMENTALS: BIG DATA & ANALYTICS PROFESSIONAL CERTIFICATION		PENUH
21	BASIC HYDRAULIC TECHNOLOGY CERTIFICATION		PENUH
22	SAINS KOMPUTER (11)	ORACLE JAVA FOUNDATION JUNIOR ASSOCIATE PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH
23		ORACLE DATABASE FOUNDATION JUNIOR ASSOCIATE PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH
24		RAPIDMINER ANALYST PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH
25		DIGITAL FORENSIC FIRST RESPONDER PROFESSIONAL CERTIFICATE	PENUH
26		HTML DEVELOPER PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH
27		IEEE CS SOFTWARE DEVELOPMENT ASSOCIATE ENGINEER PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH
28		CCNA ROUTING AND SWITCHING PROFESSIONAL CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIAAN
29		CCNA SECURITY PROFESSIONAL CERTIFICATION PREPARATION	PERSEDIAAN
30		UNITY CERTIFIED USER PROFESSIONAL CERTIFICATION (PROGRAMMER)	PENUH
31		ADOBE PROFESSIONAL CERTIFICATION (VISUAL DESIGN USING PHOTOSHOP)	PENUH
32		HUAWEI CERTIFIED ICT ASSOCIATE – DATACOM PROFESSIONAL CERTIFICATION	PENUH
33	PENGURUSAN (1)	SAGE UBS CERTIFICATION	PENUH

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Prasiswazah 2022

Statistik pendaftaran pelajar baharu bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

Jadual 3 Pengambilan Pelajar Baharu UTeM 2022

Fakulti	Ijazah Sarjana Muda Tempatan (Ambilan Mac @ Sem Ii 2021/2022)	Ijazah Sarjana Muda Antarabangsa (Ambilan Februari @ Sem Ii 2021/2022)	Ijazah Sarjana Muda Tempatan (Ambilan September @ Sem I 2022/2023)	Ijazah Sarjana Muda Antarabangsa (Ambilan September @ Sem I 2022/2023)	Diploma (Ambilan Jun @ Sem 0 2022/2023)	Jumlah
FKE	38	0	261	3	59	361
FKEKK	49	0	217	0	42	308
FKM	60	2	225	0	68	355
FKP	31	0	118	1	38	188
FTMK	75	5	436	0	190	706
FPTT	-	0	461	1	-	462
FTKEE	-	0	484	1	-	485
FTKMP	-	1	453	7	-	461
JUMLAH	253	8	2,655	13	397	3,326

Nota: ISM – Ijazah Sarjana Muda

Sehingga 31 Disember 2022, enrolmen pelajar prasiswazah yang mengikuti pengajian prasiswazah ialah seramai 11,946 orang pelajar. Jadual di bawah menunjukkan enrolmen pelajar dari 2010 hingga 2022 mengikut peringkat pengajian:

Jadual 4 Enrolmen Pelajar Prasiswazah UTeM 2022

Tahun	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	
2010	1,001	5,778	6,779
2011	1,277	7,075	8,352
2012	1,173	7,795	8,968
2013	1,110	8,964	10,074
2014	853	9,366	10,219
2015	928	9,348	10,276
2016	1,119	9,439	10,558
2017	1,394	9,306	10,700
2018	1,548	9,530	11,078
2019	1,542	9,846	11,388
2020	1,537	10,291	11,828
2021	1,538	10,308	11,846
2022	1,412	10,534	11,946

Merujuk kepada jadual di atas, sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 2022 berlaku peningkatan enrolmen setiap tahun kerana faktor-faktor berikut:

- i) Pertambahan program-program baharu
- ii) Dasar kerajaan mengambil pelajar aliran Teknologi dan Vokasional (TVET) terutama kepada Malaysian Technical University Network (MTUN)
- iii) UTeM semakin dikenali dalam kalangan para pelajar dan menjadi antara pilihan utama kemasukan ke universiti awam.

Graduate On Time (GOT) Prasiswazah

Graduate on Time (GOT) mengukur bilangan pelajar sesuatu kohort kemasukan yang berjaya bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan daripada program mereka (contohnya 4 tahun untuk Ijazah Sarjana Muda). Dalam pengertian ini, GOT mengukur “output” Universiti iaitu bilangan graduan yang dihasilkan.

Justeru bagi mengekalkan kos yang stabil, Universiti perlu menjadi lebih produktif untuk memastikan bilangan graduan yang dihasilkan meningkat dan dapat bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan. Ini kerana pelajar yang mengambil masa yang lebih lama untuk bergraduat menyebabkan kos meningkat dan Universiti akan kehilangan pelajar baru kerana penempatan telah diberikan kepada pelajar yang tidak selesai bergraduat. Pada tahun 2022, GOT UTeM mencatatkan sebanyak **89.2%** orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang bergraduat dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu 1,976 orang pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 2,216 orang pelajar (Jadual 5: Kohort 2018/2019). Manakala bagi pelajar program Diploma, UTeM mencatat sebanyak **97.5%** pelajar yang bergraduat dalam tempoh ditetapkan iaitu 469 pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 481 orang pelajar (Jadual 6: Kohort 2018/2019)

Jadual 5 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Ijazah Sarjana Muda bagi Kohort 2018/2019 dan GOT

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	227	177	78.0%
FKEKK	126	117	92.9%
FKM	170	135	79.4%
FKP	166	133	80.1%
FTMK	368	309	84.0%
FPTT	313	300	95.8%
FTKEE	444	419	94.4%
FTKMP	402	386	96.0%
KESELURUHAN	2,216	1,976	89.2%



Jadual 6 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Diploma bagi Kohort 2019/2020 dan GOT

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	111	110	99.1%
FKEKK	57	56	98.2%
FKM	91	90	98.9%
FKP	44	41	93.2%
FTMK	178	172	96.6%
KESELURUHAN	481	469	97.5%

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Prasiswazah 2022

Pada tahun 2022, 2 Majlis Konvokesyen telah dilaksanakan iaitu Majlis Konvokesyen ke-17 dan ke-18 UTeM. Majlis Konvokesyen ke-17 merupakan majlis konvokesyen yang tertangguh bagi graduan tahun 2021 akibat pandemik COVID-19. Majlis telah dilaksanakan pada 14-17 Mac 2022 selama 4 hari dengan 8 sesi penganugerahan. Seramai 3,275 orang graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat pengajian terdiri daripada 61 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 2 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 194 orang graduan Ijazah Sarjana, 2,525 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 493 orang graduan Diploma.

Manakala, Majlis Konvokesyen ke-18 UTeM telah dilaksanakan pada 5 - 7 November 2022 selama 3 hari dengan 6 sesi penganugerahan. Seramai 3,149 orang graduan yang berjaya menamatkan pengajian merangkumi 63 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 7 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 147 orang graduan Ijazah Sarjana, 2,454 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 478 orang graduan Diploma.

Jadual 7 Bilangan Graduan Majlis Konvokesyen ke-17 UTeM

FAKULTI	Ijazah Doktor Falsafah	Ijazah Doktor Kejuruteraan	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
FKE	6	0	29	279	103	417
FKEKK	10	1	24	181	87	303
FKM	5	0	28	277	84	394
FKP	9	1	40	199	76	325
FTMK	21	0	35	490	143	689
FPTT	4	0	36	364	0	404
FTKEE	0	0	0	394	0	394
FTKMP	0	0	0	341	0	341
IPTK	6	0	2	0	0	8
JUMLAH	61	2	194	2,525	493	3,275

Jadual 8 Bilangan Graduan Majlis Konvokesyen ke-18 UTeM

FAKULTI	Ijazah Doktor Falsafah	Ijazah Doktor Kejuruteraan	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
FKE	3	0	17	260	112	392
FKEKK	6	1	30	184	56	277
FKM	4	0	20	218	92	334
FKP	10	6	26	229	41	312
FTMK	20	0	28	393	177	618
FPTT	12	0	24	318	0	354
FTKEE	0	0	0	446	0	446
FTKMP	0	0	0	406	0	406
IPTK	8	0	2	0	0	10
JUMLAH	63	7	147	2,454	478	3,149

Pascasiswazah

Program Akademik

Pada tahun 2022, UTeM telah menawarkan sebanyak 12 program di peringkat Kedoktoran Secara Penyelidikan dan 1 program Secara Kerja Kursus. Manakala, 11 Program Sarjana Secara Penyelidikan dan 2 Program Sarjana Secara Mod Campuran serta 27 program Sarjana Secara Kerja Kursus. Senarai program yang ditawarkan mengikut Fakulti/ Institusi adalah seperti di Jadual 9.

Jadual 9 Penawaran Program Pascasiswazah di UTeM

Fakulti	Program Akademik
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektrik
	Ijazah Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekatronik
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)
	Sarjana Kejuruteraan Mekatronik
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK)	Sarjana Kejuruteraan Elektrik
	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektronik
	Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)
	Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik)
	Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)

Fakulti	Program Akademik
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekanikal
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Gunaan)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)
Sarjana Kejuruteraan Mekanikal	
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Pembuatan
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)
Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Termaju dan Pemprosesan)	
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)	Doktor Falsafah
	Doktor Teknologi Maklumat
	Sarjana Sains Dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet)
	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data)
	Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian dan Kepintaran)
	Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan)
	Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)
	Sarjana Teknologi (Sains Data dan Analitik)
	Sarjana Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Mudah Alih)
Sarjana Sistem Maklumat	
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN (FPTT)	Doktor Falsafah
	Doktor Pengurusan Teknologi
	Sarjana Sains Dalam Pengurusan Teknologi
	Sarjana Sains Dalam Keusahawanan
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju)
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi dan Inovasi)
Sarjana Teknoinovasi	
	Doktor Falsafah
	Sarjana Sains Komunikasi Teknikal
	Sarjana Sains Kaunseling Industri


Fakulti	Program Akademik
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Pembuatan
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)	Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Termaju dan Pemprosesan)
	Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia
	Sarjana Pengurusan Maklumat Perniagaan
	Sarjana Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan

Pada tahun 2022, sebanyak 2 program baharu yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan telah ditawarkan pada semester 1 2022/2023 tahun 2022 di bawah Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK). Program tersebut adalah:

1. Sarjana Pengurusan Maklumat Perniagaan
2. Sarjana Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Pascasiswazah


Pusat Pengajian Siswazah (PPS) melaksanakan pengambilan pelajar pascasiswazah 2 kali setahun iaitu pada Mac dan September. Statistik pengambilan pelajar pascasiswazah sejak dari penubuhan PPS sehingga tahun berakhir 2022 adalah seperti di Rajah 2.



Rajah 2 Statistik Pengambilan Pelajar Pascasiswazah di UTeM



Pada awal Mac tahun 2022, Kerajaan telah melancarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) berikutan kadar kes wabak COVID-19 semakin menurun dan risiko penyakit semakin berkurangan. Pada tahun ini juga dan pendaftaran pelajar dibuat secara dalam talian dan secara fizikal untuk 2 sesi tersebut. Walaubagaimanapun, pada tahun 2022 telah menunjukkan pengurangan bilangan pelajar yang amat ketara seramai 191 orang pelajar telah mendaftar berbanding 277 orang pada tahun 2021. Pandemik COVID-19 masih memberi impak besar kepada penurunan enrolmen semasa (Aktif dan Tangguh Pengajian) pelajar pascasiswazah. Pola enrolmen pascasiswazah setiap tahun adalah seperti di Rajah 3.



Rajah 3 Statistik Enrolmen Pelajar Pascasiswazah di UTeM (data sehingga 31 Disember 2022)


Enrolmen semasa pelajar pascasiswazah bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah mencatatkan jumlah pelajar seramai 1,132 orang. Pecahan pelajar pascasiswazah tahun 2022 mengikut Fakulti/Institut dan program adalah seperti di Jadual 10.

Jadual 10 Enrolmen Semasa Pelajar Pascasiswazah 2022

Fakulti/ Institut	PROGRAM				JUMLAH
	PhD	Sarjana Penyelidikan (MSc)	Sarjana Mod Campuran	Sarjana Kerja Kursus	
FKE	55	46	-	4	105
FKEKKK	43	70	-	27	140
FKM	45	81	-	25	151
FKP	77	47	-	31	155
FTMK	84	44	-	21	149
FPTT	177	33	-	44	254
IPTK	152	26	-	-	178
JUMLAH	633	347	0	152	1,132
JUMLAH KESELURUHAN = 1,132					

Pengantarabangsaan Pascasiswazah


Pusat Pengajian Siswazah (PPS) terus komited melaksanakan inisiatif strategik dan operasi dalam memperkasakan pendidikan teknikal dan meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di samping menjana pendapatan bertepatan dengan status autonomi. Daripada jumlah pencapaian 1,132 orang pelajar pascasiswazah pada tahun 2022, 480 (42%) orang terdiri daripada pelajar antarabangsa dari pelbagai negara. Peratusan pelajar antarabangsa menyusut sebanyak 21% berbanding 608 orang pelajar antarabangsa yang dicapai pada tahun 2021. Pecahan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah mengikut negara bagi tahun berakhir 2022 adalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.



Rajah 4 Statistik Enrolmen Pelajar Antarabangsa Pascasiswazah di UTeM Mengikut Negara

Graduan Pascasiswazah

Graduan pascasiswazah yang dihasilkan pada konvokesyen 2022 adalah seramai 210 orang iaitu sebanyak 147 orang untuk Program Sarjana. Pada tahun ini juga UTeM telah mencatat sejarah dengan bilangan tertinggi pelajar Program Kedoktoran bergraduasi iaitu 70 orang pelajar. Statistik jumlah graduan pascasiswazah yang telah dihasilkan dari tahun 2006 sehingga 2022 adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.




Rajah 5 Statistik Graduan Pascasiswazah Sehingga 2022

Graduate On Time Pascasiswazah

Untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan pencapaian KPI tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan Graduate On Time (GOT), PPS telah melantik beberapa orang Profesor dari Universiti Penyelidikan untuk memberi kursus pendek kepada pelajar Program Pasca Siswazah yang dilaksanakan pada setiap sesi pengajian seperti kaedah penyelidikan, penulisan tesis yang berkualiti, kaedah menulis kajian lepas, alat penyelidikan dan pengurusan citation, menganalisa data dan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Untuk rekod pencapaian, peratusan GOT masih dilihat turun naik dan ianya bergantung kepada bilangan pelajar yang mencapai GOT pada sesuatu tahun berbanding dengan jumlah graduan pada tahun tersebut. Peratusan GOT pelajar pascasiswazah dari tahun 2010 – 2022 adalah seperti di Rajah 6.



Rajah 6 GOT Pascasiswazah UTeM Sehingga 2022

Pengurusan Peperiksaan Lisan (VIVA-VOCE) Secara Dalam Talian

Situasi COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020 telah memberi impak besar kepada proses pengurusan VIVA. Proses pengurusan VIVA yang pada kebiasaannya dijalankan secara bersemuka telah mula dilaksanakan secara dalam talian berdasarkan situasi dan keperluan semasa. Pada tahun 2022, sebanyak 138 VIVA VOCE secara lisan dan atas talian telah dilaksanakan melibatkan pelajar Kedoktoran dan Sarjana (Penyelidikan).

Walaupun terdapat cabaran tertentu untuk melaksanakan VIVA secara dalam talian pada peringkat permulaan seperti kemudahan peralatan, logistik, ketidakstabilan talian/capaian dan lain-lain, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah mengambil langkah kawalan dan persediaan awal bagi memudahkan pelaksanaan serta meminimumkan risiko yang mungkin berlaku. Secara tidak langsung, pelaksanaan VIVA secara dalam talian juga telah menjimatkan kos Universiti dari segi tuntutan perjalanan dan penginapan Pemeriksa Luar.

Program Berimpak Tinggi

Mempromosikan Program Akademik Pengajian Siswazah UTeM merupakan salah satu agenda dalam dalam usaha mencapai 5,000 orang pelajar pasca siswazah menjelang 2025. Asasnya ialah menjadikan UTeM sebagai pilihan untuk melanjutkan pengajian Pasca Siswazah di dalam negara dan seterusnya meningkatkan lagi enrolmen pelajar Pasca Siswazah UTeM. Beberapa program yang telah dijalankan mampu untuk memberikan impak iaitu:

1) Program Promosi ke Siltera Kulim, Kedah


Mengadakan lawatan Promosi Ke Siltera Kulim, Kedah pada 2 Disember 2022 adalah untuk memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama dalam mempromosikan program akademik di kalangan staf Siltera. Sambutan yang luar biasa daripada staf Siltera telah membuka ruang untuk perbincangan bagi mewujudkan Pusat Pembelajaran di Siltera.

2) Promosi Mega Careers & Study Fair

Keterlibatan PPS dalam Program Promosi *Mega Careers & Study Fair* Pada 24 dan 25 September 2022 dan Program Pasca Siswazah di *Penang Career & Postgraduate Expo 2022* pada 3 & 4 Disember 2022 mampu untuk meningkat imej dan jenama Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan UTeM dalam kalangan masyarakat dan golongan sasaran seperti graduan ijazah pertama dan golongan profesional.


Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Pada tahun 2022, seramai 547 orang pelajar dari 25 buah negara telah mendaftar dan ini ditunjukkan seperti di Rajah 7.



Rajah 7 Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2020, 2021 dan 2022

Tiga negara tertinggi yang menyumbang kepada enrolmen pelajar antarabangsa UTeM pada tahun 2022 adalah Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang mencatatkan seramai 168 orang, Indonesia seramai 151 orang dan Yemen seramai 66 orang. Pecahan keseluruhan pelajar antarabangsa di UTeM pada tahun 2022 adalah seperti Rajah 8.



Rajah 8 Pecahan Pelajar Antarabangsa UTeM Mengikut Negara pada Tahun 2022

Kerjasama Antarabangsa Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian (MoU & MoA)

Bagi tahun 2022, sebanyak 13 MoU dan 2 MoA telah ditandatangani antara UTeM dan institusi luar negara. Senarai MoU dan MoA yang telah ditandatangani adalah seperti Jadual 11:


Jadual 11 Senarai kerjasama MoU dan MoA antarabangsa UTeM

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
1	MoU	International Foundation Group (IFG), United Kingdom dan UTeM Holdings Sdn. Bhd.	2022 – 2024 (2 tahun)	Pusat Antarabangsa UTeM
2	MoA	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB), Indonesia	2022 – 2024 (2 tahun)	Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan
3	MoU	Aachen University of Applied Sciences, Jerman	2022 – 2025 (3 tahun)	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
4	MoU	Northwestern Polytechnical University (NPU), China	2022 - 2025 (3 tahun)	Pusat Antarabangsa UTeM
5	MoA	Hochschule Hannover University of Applied Sciences and Arts (HsH), Jerman	2022 – 2026 (4 tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
6	MoU	Uskudar University, Istanbul, Republik Turkiye	2022 – 2027 (5 tahun)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
7	MoU	Institut Teknologi Sumatera (ITERA), Indonesia	2022 – 2027 (5 tahun)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
8	MoU	Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Indonesia	2022 - 2027 (5 tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
9	MoU	Prince Songkla University (PSU), Thailand	2022 – 2027 (5 tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
10	MoU	Hunan Institute of Technology (HNIT), China	2022 – 2027 (5 tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
11	MoU	Universitas Internasional Batam, Indonesia	2022 – 2027 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
12	MoU	Nagaoka University of Technology (NUT), Jepun	2022 – 2027 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
13	MoU	Universitas Islam Batik (UNIBA), Surakarta, Indonesia	2022 – 2027 (5 tahun)	Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan
14	MoU	Gebze Technical University (GTU), Republik Turkiye	2022 – 2027 (5 tahun)	Pusat Antarabangsa UTeM
15	MoU	Okayama Prefectural University (OPU), Jepun	2022 – 2027 (5 tahun)	Kilang Pengajaran

Program Mobiliti Pelajar

Bagi tahun 2022, sebanyak 8 program Inbound (Berkredit dan Tanpa Kredit) dan 9 program Outbound (Berkredit dan Tanpa Kredit) telah diadakan dan seramai 263 orang pelajar telah terlibat dalam program mobiliti ini.



Rajah 9 Jumlah Pelajar Menyertai Program Mobiliti

Program-program mobiliti ini telah diadakan bersama 10 rakan antarabangsa seperti berikut:

1. Hochschule Hannover – University of Applied Sciences and Arts, Germany
2. Nagoya University, Japan
3. Tokushima University, Japan
4. Hangzhou Dianzi University, China
5. Universitas Internasional Batam, Indonesia
6. Universitas Sriwijaya, Indonesia
7. Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia
8. Universitas Sebelas Maret, Indonesia
9. Ministry of Education, Culture, Research and Technology, Indonesia (Indonesia International Student Mobility Awards (IISMA) Program)
10. Prince of Songkla University, Thailand



Aktiviti Hubungan Kerjasama Strategik

Dengan pembukaan semula sempadan pasca COVID-19, pelbagai aktiviti hubungan kerjasama strategik rancak dijalankan bagi mengeratkan dan mengukuhkan semula hubungan antarabangsa. Melalui aktiviti-aktiviti ini, secara tidak langsung dapat mempromosikan UTeM di persada antarabangsa. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:

1. 2022 China – ASEAN Education Exchange Week: Malaysia-China TVET Forum: Together We Shift The TVET Paradigm
2. Australia Higher Education Institution Familiarisation Visit
3. Roundtable Session & Networking Lunch bersama Institusi Pengajian Tinggi Australia dan Australian High Commissioner
4. Kunjungan hormat Delegasi Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), Indonesia
5. Kunjungan hormat Delegasi Universitas Cendekia Mitra Indonesia (UNICIMI), Indonesia
6. Kunjungan hormat Delegasi Kedutaan Sri Lanka
7. Jemputan ke 2022 Cultural Confluences Malaysia oleh Duta Romania di Malaysia
8. Kunjungan hormat Delegasi Universitas Islam Indonesia (UII), Indonesia
9. Kunjungan ke Kedutaan Romania sempena Hari Kebangsaan Romania
10. Lawatan Kerja UTeM Bersama Tuan Yang Terutama Tun Canselor Ke United Kingdom, Jerman, Republik Turkiye Dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pusat Sumber dan Teknologi Pembelajaran

Pembelajaran Imersif dan Transformatif

Pembelajaran imersif dan transformasi di UTeM memberi tumpuan kepada pelajar sebagai subjek pembelajaran yang aktif. Pelajar diberikan peluang untuk mengambil bahagian secara langsung dalam proses pembelajaran dengan bantuan penggunaan teknologi terkini dan kaedah pengajaran yang berbeza. Selain itu, pembelajaran imersif dan transformasi juga menggalakkan keterlibatan aktif pelajar dalam pembelajaran. Pelajar diberikan peluang untuk menyumbang dalam proses pembelajaran melalui sesi perbincangan, persembahan dan aktiviti pembelajaran lain.


Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) di UTeM juga telah mengadakan bengkel kepada pensyarah dengan tujuan untuk membangunkan pendekatan pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh melalui *Open and Distance Learning* (ODL) dan *Micro credential* (MC).

ODL adalah satu pendekatan pembelajaran yang memberikan peluang pembelajaran kepada pelajar dari jarak jauh melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). ODL memberi peluang kepada pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran dan melakukan aktiviti pembelajaran di mana saja dan pada bila-bila masa. MC pula adalah satu bentuk pembelajaran yang membolehkan pelajar mengambil kursus-kursus secara modular dan terus-menerus untuk mendapatkan kemahiran atau pengetahuan tertentu. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengiktirafan melalui sijil kecil atau mikro-sijil, yang dapat meningkatkan potensi mereka dalam pasaran pekerjaan dan pembangunan kerjaya.

Melalui bengkel ini, pensyarah UTeM diberikan latihan dan kepakaran dalam membangunkan dan menyampaikan program-program ODL dan MC. Pensyarah juga di latih dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran dan pengajaran.

Program-Program e-Pembelajaran

Hasil Pembangunan *Micro Credential*



Kursus Micro Credentials bertajuk “Journey Towards Artificial Intelligence” yang dibangunkan oleh Dr. Nur Zareen binti Zulkarnain dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) menawarkan peluang kepada pelajar dan profesional untuk mempelajari teknologi dan memperoleh sijil pengiktirafan kemahiran dalam bidang tersebut. Melalui pelantar UCreds di <https://ucreds.utem.edu.my/courses>, kursus ini mudah diakses dan disampaikan oleh tenaga pengajar berkelayakan.

Penerima Geran *Micro Credentials* UTeM Bagi Tahun 2022

Seramai 40 peserta yang telah mengikuti Bengkel *Micro Credentials* anjuran PSTP/CAES telah berjaya menerima geran *Micro Credentials* UTeM bagi tahun 2022. Para peserta juga telah memenuhi semua kriteria yang telah ditetapkan oleh PSTP. Setelah melalui proses penilaian yang teliti, para peserta yang berjaya menerima geran *Micro Credentials* UTeM berjumlah RM 5,000.00 setiap seorang dengan jumlah keseluruhan peruntukan geran berjumlah RM 200,000.00 bagi tahun 2022. Senarai penerima geran *Micro Credentials* UTeM adalah seperti berikut:

Jadual 12 Senarai Penerima Geran Micro Credentials UTeM Tahun 2022

Bil	Penerima Geran	Fakulti	Tajuk MC
1	Dr. Mohamad Zahir bin Zainudin	IPTK	Berani Berucap
2	Dr. Zanariah binti Jano	IPTK	<i>The Essentials of Critical and Creative Thinking for Innovation Research Methodology</i>
3	Dr. Samer Ali Hussein Al-Shami	IPTK	<i>Research Methodology</i>
4	Dr. Masni Azian binti Akiah	FKP	<i>CAD Modeling: Easy Modeling Vertebrae Bone Using MRI Images</i>
5	Dr. Mohd Nazmin bin Maslan	FKP	<i>Industrial Robotics for Industry 4.0</i>
6	Dr. Mohd Najib bin Ali Mokhtar	FKP	<i>3d Scanning To 3d Printing</i>
7	Dr. Nur Zareen binti Zulkarnain	FTMK	<i>Journey Towards Artificial Intelligence</i>
8	Puan Emaliana binti Kasmuri	FTMK	<i>Java Programming for Beginners</i>
9	Dr. Siti Azirah binti Asmai	FTMK	<i>Time Series Forecasting</i>
10	Dr. Norhazwani binti Md Yunus	FTMK	<i>Network Modelling</i>
11	Dr. Noor Fazilla binti Abd Yusof	FTMK	<i>Kick-start Your Ambition as Machine Learning Engineer</i>
12	Dr. Mohd Adli bin Norasikin	FTMK	<i>Photography Technique</i>
13	Ts. Dr. Noraswaliza binti Abdullah	FTMK	<i>Fundamentals of Database</i>
14	Ts. Erman bin Hamid	FTMK	<i>Security at Home Secure Social Media Use</i>
15	Ts. Dr. Mohd Fairuz Iskandar bin Othman	FTMK	<i>Password and Authentication 101 Public Wi-Fi Security</i>
16	Ts. Maslita binti Abd Aziz	FTMK	<i>8 Hours Flutter To Grow Your Business</i>
17	Ts. Hidayah binti Rahmalan	FTMK	<i>Data Modeling</i>
18	Dr. Nur Fadilah binti Othman	FTMK	<i>Phishing Social Engineering</i>
19	Gs. Ts. Dr. Safiza Suhana binti Kamal Baharin	FTMK	<i>Normalization</i>

Bil	Penerima Geran	Fakulti	Tajuk MC
20	Profesor Madya Ts. Dr. Choo Yun Huoy	FTMK	<i>Working With Machine Learning By Examples</i>
21	Dr. Ihwan Ghazali	FTKMP	<i>3D Design Using Autodesk Inventor As Easy 1 2 3 (Beginner)</i>
22	Ts. Dr. Yusliza binti Yusuf	FTKMP	<i>Control Chart for Beginners in TVET Education</i>
23	Dr. Rosidah binti Jaafar	FTKMP	<i>Visualise Product Through Packaging</i>
24	Ts. Khairul Amri bin Tofrowaih	FTKMP	<i>Car Air Conditioning System For Dummies - Series 1 & Car Air Conditioning System For Dummies - Series 2</i>
25	Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Zaki bin Shukor	FKE	<i>Mudahnya Robot Mudah Alih!</i>
26	Dr. Loh Ser Lee	FKE	<i>First Order Linear Differential Equations</i>
27	Puan Irma Wani binti Jamaludin	FKE	<i>Laplace Transform</i>
28	Dr. Nur Latif Azyze bin Mohd Shaari Azyze	FKE	4 Asas Aturcara Arduino
29	Dr. Rahifa binti Ranom	FKE	<i>Fourier Series</i>
30	Profesor Madya Dr. Rozaimi bin Ghazali	FKE	Teknologi Dan Kejuruteraan Sistem Kawalan Dalam Kehidupan
31	Dr. Khoo Chin Foon	FKEKK	<i>Second Order Linear Differential Equations</i>
32	Ir. Ts. Dr. Siti Aisyah binti Anas	FKEKK	<i>Easy-Peasy Python Programming</i>
33	Ts. Dr. Sani Irwan bin Salim	FKEKK	<i>Getting Started With STM32 Iot</i>
34	Profesor Madya Dr. Syafeeza binti Ahmad Radzi	FKEKK	<i>What do you need to know about Artificial Intelligence?</i>
35	Dr. Cheong Kar Mee	PPB	<i>Speak Mandarin Using Chinese Phonetic</i>
36	Puan Tan Poh Ee	PPB	<i>Welcome To The World Of Chinese Numbers</i>
37	Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Azman bin Abdullah	FKM	Mudahnya Tukar Tayar!
38	Dr. Ernie binti Mat Tokit	FKM	<i>Buoyancy: Float the body, or sink it?</i>
39	Profesor Madya Ts. Dr. Azma Putra	FKM	Celik Ipad Untuk Pendidik (Level 1)
40	Dr. Suhaila binti Salleh	FKM	Partial Differential Equations

Micro Credential Yang Telah Disiapkan

Tahun 2022 10 tajuk *Micro Credentials* telah disiapkan oleh pembangun dan senarai kursus dan pembangun *Micro Credentials* bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

Tahun 2022, 10 tajuk *Micro Credential* telah disiapkan oleh pembangun yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Senarai kursus yang dibangunkan merangkumi pelbagai topik seperti di bawah. Dalam membangunkan kursus-kursus ini, mereka telah mengambil kira keperluan pasaran pekerjaan serta trend terkini.

Jadual 13 *Micro Credential* Yang Telah Disiapkan

BIL	NAMA	TAJUK	FAKULTI
1	Dr. Loh Ser Lee	FKE	<i>First Order Linear Differential Equations</i>
2	Puan Irma Wani binti Jamaludin	FKE	<i>Laplace Transform</i>
3	Dr. Khoo Chin Foon	FKEKK	<i>Second Order Linear Differential Equations</i>
4	Ir. Ts. Dr. Siti Aisyah binti Anas	FKEKK	<i>Easy-Peasy Python Programming</i>
5	Dr. Nur Zareen binti Zulkarnain	FTMK	<i>Journey Towards Artificial Intelligence</i>
6	Puan Emaliana binti Kasmuri	FTMK	<i>Java Programming for Beginners</i>
7	Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Azman bin Abdullah	FKM	Mudahnya Tukar Tayar!
8	Dr. Ihwan Ghazali	FTKMP	<i>3D Design Using Autodesk Inventor As Easy 1 2 3 (Beginner)</i>
9	Dr. Mohamad Zahir bin Zainudin	IPTK	Berani Berucap
10	Dr. Masni Azian binti Akiah	FKP	<i>CAD Modeling: Easy Modeling Vertebrae Bone Using MRI Images</i>

Lencana Micro Credentials

Lencana *Micro Credential* adalah salah satu cara inovatif yang diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus dalam talian untuk mengiktiraf pencapaian individu di dalam kursus tertentu. Dengan memperoleh lencana ini, peserta dapat memperlihatkan kebolehan dan kejayaan mereka dalam menguasai topik tertentu kepada majikan, pihak akademik dan masyarakat umum. Lencana *Micro Credential* ini menyediakan pengiktirafan yang lebih khusus dan terperinci. Dalam era digital yang semakin pesat, lencana *Micro Credential* merupakan satu lagi cara untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan individu di tempat kerja dan dalam bidang akademik.



Nombor Siri	UTeMMCDB240722-07
Kod Kursus	BLLW1222
Nama Pelajar	Abdul Aariz bin Abu Bakar
No. Kad Pengenalan	010103-04-4311
Nama Modul	Speaking Mandarin Using Chinese Phonetics
Hasil Pembelajaran Mikro/ Sub-Kompetensi	1. Mengenal pasti suku kata, awalan, akhir dan nada dalam bahasa Mandarin 2. Mengaplikasikan pengubahsuaian nada sesuatu suku kata dalam bahasa Mandarin.
Tahap Lencana (Asas/Pertengahan/Lanjutan)	Asas
Bahasa Pengantar	Bahasa Inggeris
Jam Pembelajaran Pelajar	4 Jam
Jenis Penaksiran	Kuiz
Gred	A
Pengesahan Oleh	Pendaftar Pendaftar UTeM Tarikh *Untuk pengesahan, sila hubungi Bahagian Pengurusan Akademik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Sijil Micro Credentials

Sijil Micro-Credentials UTeM adalah program pensijilan pendek yang memberikan pengiktirafan kepada pelajar atas pencapaian mereka dalam kemahiran tertentu. Dalam era digital yang semakin berkembang, program ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan pelajar dalam menghadapi tuntutan pekerjaan yang semakin kompleks. Sijil ini boleh diambil dalam talian atau dalam kelas yang meliputi pelbagai bidang seperti teknologi maklumat, keusahawanan, kejuruteraan dan banyak lagi. Dengan sijil Micro Credentials UTeM, pelajar dapat memperoleh kelebihan kompetitif dan memenuhi keperluan industri masa kini dan masa depan.



Penerbitan eBook

Pada tahun 2022, Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) UTeM telah menerbitkan buku paduan dalam bentuk e-Book untuk membantu pembangunan Self Instructed Material (SIM) dan penggunaan pelantar UCreds. Buku panduan ini bertujuan untuk membantu pensyarah dan pelajar dalam proses pembangunan dan penggunaan bahan-bahan pembelajaran yang fleksibel dan terbuka.



Buku Panduan Pembangunan SIM

Buku Panduan Penggunaan Pelantar UCreds

Hak Cipta

PSTP UTeM telah berjaya mendapatkan hak cipta bagi tajuk karya *Micro Credential Massive Open Online Course, Open Distance Learning (UCREDS) Logo and Webpage Design* dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 17 November 2022. Hak cipta ini memberikan perlindungan undang-undang terhadap penggunaan tajuk karya tersebut oleh pihak lain tanpa kebenaran daripada PSTP.

Kejayaan PSTP dalam memperoleh hak cipta ini menunjukkan komitmen organisasi dalam membangunkan dan mempromosikan inovasi dalam pendekatan pembelajaran terbuka dan jarak jauh. Ini juga memperlihatkan kepentingan perlindungan hak cipta bagi karya-karya kreatif yang dihasilkan oleh organisasi akademik.



Hasil Pembangunan Open Course Ware (OCW) / Bahan Pengajaran Berimpak Tinggi Digital

Pada tahun 2022, PSTP telah mengadakan Bengkel Pembangunan *Open Course Ware (OCW) Bahan Pengajaran Berimpak Tinggi Digital Asas dan Pertengahan* untuk memupuk kesedaran terhadap penghasilan kandungan digital yang berkualiti tinggi serta memberi pendedahan mengenai alat, aplikasi, dan perisian yang sesuai digunakan dalam pembangunan e-kandungan. Bengkel Asas dilaksanakan pada 22 Februari 2022 dengan objektif memberi pendedahan kepada peserta dalam penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi aspek rekabentuk pengajaran, strategi PdP, kualiti media serta mematuhi hak cipta. Bengkel Pertengahan pula diadakan pada 23 Februari 2022 bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada *tips and tricks* dan *do and don't* dalam penghasilan bahan OCW dengan menggunakan tools, perisian dan aplikasi terpilih.

Seramai 15 peserta dari fakulti FKEKK, FKE, FKM, FTKEE, dan FTMK telah menyertai kedua-dua bengkel tersebut. Hasil daripada pembangunan OCW yang telah disiapkan bagi tahun 2022 adalah sebagai bukti komitmen PSTP dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di UTeM.




Jadual 14 Senarai Kumpulan Pembangunan OCW 2022

Bil	Kumpulan Pembangun OCW 2022	Kursus	Fakulti
1	Dr. Nur Raidah binti Rahim	Data Structure & Algorithm	FTMK
2	Profesor Madya Dr. Ahmad Naim bin Che Pee @ Che Hanapi	Computer Game Development	FTMK
3	Profesor Madya Dr Fauziah binti Salehuddin	Signal & System	FKEKK
4	Profesor Madya Dr. Maisarah binti Abu		
5	Dr. Mawarni binti Mohamed Yunus		
6	Profesor Madya Dr. Abd Majid bin Darsono		
7	Dr. Siti Normi binti Zabri @ Suhaimi		
8	Dr. Loh Ser Lee		
9	Dr. Rahifa Ranom		
10	Nur Ilyana Anwar Apandi	Engineering Math 2 Part 2	
11	Dr. Loh Ser Lee		
12	Dr. Rahifa Ranom		

Perlaksanaan Pembelajaran Teradun

Kaedah pembelajaran teradun ini adalah satu cara yang efektif dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di UTeM. Pembelajaran Teradun Sokongan (PTS) dan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) memberikan alternatif pembelajaran yang fleksibel dan merangkumi pelbagai jenis bahan pengajaran yang memudahkan proses pembelajaran. Carta pembelajaran teradun PTS dan PTG mengikut semester adalah seperti berikut seperti berikut:

Credit Transfer MOOC (Mandarin 1)



Pada 13 Jun 2022, ujian kompetensi MOOC bagi kursus Mandarin 1 telah dijalankan dengan jayanya melibatkan seramai 62 orang pelajar dari pelbagai fakulti seperti Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (BEEC dan BEET), Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (BITC, BITD, BITI, BITS dan BITZ), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (BMCG) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (BTEC dan BTMS).

Sesi akademik Semester 2 2021/2022 menyaksikan kesemua 62 orang pelajar yang telah mendaftar untuk mengambil ujian kompetensi MOOC dan Pindah Kredit MOOC bagi kursus Bahasa Mandarin 1 BLLW 1222M telah lulus dengan cemerlang dan tiada seorang pelajar yang gagal dalam ujian tersebut.

Jadual 15 Ujian Kompetensi MOOC (Mandarin 1)

No.	Fakulti	Kaedah Pelaksanaan	Bil. Pelajar
1.	FTKEE		18
2.	FTMK	P&P (100% MOOC) UJIAN KOMPETENSI MOOC	31
3.	FKM		5
4.	FPTT		8
Jumlah Pelajar			62

Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik

Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2021

Anugerah Akademik Universiti (AAU) tahun 2021 telah menerima sebanyak 27 permohonan bagi 9 kategori iaitu Anugerah Akademik Harapan, Anugerah Pengajaran, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Inovasi & Pengkomersialan Produk, Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal, Anugerah Kualiti Makalah, Anugerah Khas Kumpulan dan Anugerah Inovasi e-Pembelajaran.

Sebanyak 19 permohonan yang melepasi penilaian peringkat Fakulti dan melepasi titik ambang kategori untuk dibawa ke peringkat Teknikal dan seterusnya ke peringkat Universiti.

Majlis AAU 2021 telah berlangsung dengan gemilang dan disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin di Hotel AMES pada 29 September 2022 dengan tema Ilmuwan, Ilmu dan Teknologi Menyejahterakan Masyarakat. Penerima Anugerah menerima wang tunai RM 4,000 beserta trofi dan sijil manakala penerima saguhati menerima wang tunai RM 500 beserta sijil.

Jadual 16 Senarai penerima Anugerah Akademik Universiti 2021

Bil	Kategori Anugerah	Penerima Anugerah	
1	Anugerah Tokoh Akademik	Tiada	
	Kategori Anugerah	Penerima Anugerah	Saguhati
2	Anugerah Akademik Harapan	Ts. Ir. Dr Sharin Ab Ghani (FKE)	1. Ts. Dr. Hazriq Izzuan Jaafar (FKE) 2. Ts. Dr. Nurulizwa Abdul Rashid (FPTT) 3. Ts. Dr. Mohd Sharil Ahmad Khair (FKE)
3	Anugerah Pengajaran	Prof. Madya Dr. Mariam Md Ghazaly (FKE)	Tiada
4	4.1 Anugerah Penerbitan Buku Bidang Sains dan Teknologi	Dr. Mohd Najib Ali Mokhtar (FKP)	Profesor Ir.Ts.Dr.Puvanasvaran A/L A. Perumal (FKP)
	4.2 Anugerah Penerbitan Buku Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial	Tiada	Tiada
5	Anugerah Penyelidikan	Ir.Ts. Dr. Anuar Mohamed Kasim (FKE)	Tiada
6	Anugerah Inovasi & Pengkomersialan Produk	Tiada	Tiada
7	Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal	Dr.Iskandar Waini (FTKMP)	1. Ts. Dr. Mohd Hafiz Jali (FKE) 2. Dr. Najiyah Safwa Khashi'ie (FTKMP)
8	Anugerah Kualiti Makalah Jurnal	Dr. Iskandar Waini (FTKMP)	Tiada
9	Anugerah Khas Kumpulan	Tiada	Tiada
10	Anugerah Inovasi e-Pembelajaran	Tiada	Tiada

Penganjuran Latihan 2022

Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES) secara umumnya bertanggungjawab dalam merancang dengan teliti dan seterusnya menganjurkan kursus / bengkel / latihan kepada staf akademik UTeM dalam memastikan kecemerlangan akademik dapat dicapai dan membentuk kesarjanaan dalam kalangan staf akademik UTeM. Semua bengkel / latihan / kursus yang dianjurkan oleh CAES merangkumi beberapa komponen utama iaitu:

- i) Pengajaran dan Pembelajaran
- ii) Profesional dan Nilai (Value)
- iii) Penyelidikan dan;
- iv) Perkhidmatan dan Pengamalan.

Sehingga Jun 2022, sebanyak 8 kursus / bengkel telah dilaksanakan. Bermula bulan Julai 2022 lalu CAES telah melaksanakan penjajaran semula, memperkemas dan memantapkan penganjuran kursus / bengkel selaras dengan penjajaran 5 Teras Strategik UTeM dan CAES di bawah inisiatif Strategik Teras 1 UTeM : Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya dengan memberi

fokus kepada 2 komponen utama iaitu komponen pengajaran dan pembelajaran serta profesional dan nilai di samping melaksanakan Kursus Asas Pengajaran (KAP) bagi tujuan pengesahan jawatan dan Kursus Wajib (DS45, DS51/52 dan DS53/54) untuk tujuan kenaikan pangkat staf akademik.

Secara keseluruhannya, sebanyak 34 kursus / bengkel termasuk 1 program kerjasama dengan AKEPT telah berjaya dilaksanakan bagi tahun 2022 berbanding 30 kursus/bengkel yang telah dilaksanakan pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 13% pada tahun 2022.

Bagi tujuan pembelajaran sendiri staf akademik boleh membuat rujukan melalui capaian akses kepada rakaman latihan / webinar dan bahan setiap latihan menerusi laman sesawang CAES <https://caes.utm.edu.my/training>


INFOGRAFIK KURSUS ANJURAN CAES

Flagship Training



ACADEMIC EXCELLENCE AND SCHOLARSHIP

Learn, Unlearn and Relearn @ CAES



Penganjuran Majlis Syarahan Perdana (Inaugural Lecture Series)

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan kerjasama CAES telah menganjurkan Siri 1/2023 Majlis Syarahan Perdana (Inaugural Lecture Series): Profesor Ir. Dr. Kenneth Sundaraj pada 23 Mac 2023 dengan tajuk “*Crosstalk in Mechanomyography Signals Findings from The Forearm Muscles*”.

Manakala bagi Siri 2/2023, Majlis Syarahan Perdana (Inaugural Lecture Series) telah dianjurkan oleh Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dengan kerjasama CAES yang di sampaikan oleh Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin pada 1 Ogos 2023 dengan tajuk “*Improving Technical Product Quality Through Requirements Engineering*”

Kejayaan pertama buat Universiti apabila Panel Penilai Profesional Anugerah Buku Negara 2022 telah memilih buku terbitan Penerbit UTeM “*Improving Technical Product Quality Through Requirements Engineering*” untuk menerima Anugerah Buku Negara 2022 bagi kategori Syarahan Perdana.

Gambar Majlis AAU 2021



Penganjuran Majlis Syarahan Perdana (Inaugural Lecture Series)



Anugerah Buku Negara 2022 bagi kategori Syarahan Perdana



Kilang Pengajaran (Teaching Factory) & Kerjasama Strategik

HiiLSE Global Sdn Bhd

Kerjasama antara Kilang Pengajaran UTeM dan HiiLSE GLOBAL Sdn. Bhd. adalah seiring dengan dua bidang tujuan fakulti dan universiti iaitu *Emerging Technology dan Advanced Manufacturing Technology*. Antara asas pertimbangan persefahaman ini melibatkan Kilang Pengajaran UTeM dan HiiLSE GLOBAL Sdn. Bhd. adalah dalam perkongsian ilmu dan kepakaran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan industri dron di antara kedua-dua belah pihak, mewujudkan kerjasama dalam penggunaan fasiliti Kilang Pengajaran UTeM dan HiiLSE GLOBAL Sdn. Bhd. dan merancang sebarang peluang projek usahasama dalam memperkasa bidang pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang.

Sebagai sebuah organisasi, HiiLSE GLOBAL Sdn. Bhd adalah merupakan syarikat yang berpangkalan di Cyberjaya, Selangor merupakan rakan kongsi kepada syarikat ternama iaitu Garuda Aerospace Pvt Ltd, India yang diiktiraf diperingkat dunia. Sehubungan itu, kerjasama strategik yang dibentuk ini sudah semestinya akan mendatangkan faedah kepada UTeM secara keseluruhannya terutama dalam bidang-bidang berkaitan teknologi dron.

Microlead Manufacturing Sdn Bhd

Kerjasama yang dijalankan adalah untuk mewujudkan sebuah cawangan kilang untuk Microlead Manufacturing Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat penuh MQ Technology Berhad di UTeM bagi tujuan perkilangan, perniagaan, latihan dan khidmat masyarakat.

UTeM menyediakan ruang, infrastruktur dan bekalan tenaga di premis ini bagi membolehkan pihak kilang Microlead Manufacturing Sdn Bhd beroperasi manakala pihak Microlead Manufacturing Sdn Bhd pula menyediakan mesin, perkakasan, komponen dan bahan mentah untuk operasi perniagaan kilang ini.

UTeM juga bersama menyediakan pekerja melalui pelajar-pelajar program latihan industri dan separa masa. Keistimewaan akan diberikan kepada pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dari pelbagai fakulti di UTeM. Microlead Manufacturing Sdn Bhd bersama UTeM untuk menyokong aktiviti-aktiviti pembelajaran, latihan dan penyelidikan yang diadakan dalam premis kilang.

Pembangunan Produk dan Pengkomersialan Mesin Kesidang CNC

Pembangunan Produk Mesin Kesidang CNC

Proses Pembangunan produk adalah sangat penting kerana ia merupakan inisiatif yang memenuhi Strategi Teras UTeM (ST 1 dan 2). Kerja-kerja untuk penyediaan fasiliti pemasangan produk sedang dijalankan meliputi kerja-kerja proses pemasangan / pembuatan seperti *control plan*, *plant layout*, *process flow*, *equipment*, *tolls* dan *jigs* serta lain-lain. Perolehan peralatan tambahan dan perkakasan sedang diusahakan menerusi lebih bajet RMK12. *Prototype trial* mesin ini masih dijalankan untuk menguji daya ketahanan untuk dijadikan sebagai jaminan kebolegunaan. Terdapat 6 pelajar Projek Sarjana Muda (PSM) dan seorang pelajar Latihan Industri (LI) sedang membangunkan kemudahan pemasangan mesin Kesidang.

Pengkomersialan Mesin Kesidang CNC

Mesin Kesidang CNC telah mendapat pengiktirafan menerusi pertandingan produk dan inovasi yang disertai. Bagi Jejak Inovasi UTeM, Mesin Kesidang CNC telah memenangi pingat emas dan seterusnya memenangi pingat perak dalam penyertaan pertandingan RISE di Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Mesin Kesidang juga telah dipertontonkan kepada pelanggan berpotensi iaitu Kolej Vokasional Batu Pahat, Johor bagi tujuan mendapatkan maklum balas dan penambahbaikan. Hasil daripada lawatan tersebut amat positif dan pihak Kolej Vokasional telah bercadang untuk mendaftarkan mesin Kesidang dalam sistem perolehan mereka. Pihak Kilang Pengajaran masih dalam proses permohonan Cap Tanda Dagang (Trademark) dan dijangkakan mesin ini akan dikomersialkan dalam masa terdekat.

Platform Penempatan Pelajar Latihan Industri

Dalam memastikan fungsi penubuhan Kilang Pengajaran tercapai objektifnya maka pengambilan pelajar-pelajar UTeM dan pelajar luar untuk mengikuti Latihan Industri telah bermula sejak Julai 2020. Seramai 116 orang pelajar telah berjaya menamatkan latihan industri di Kilang Pengajaran UTeM sehingga Disember 2022. Setakat 31 Disember 2022, seramai 17 Pelajar yang telah berjaya menamatkan latihan industri di Kilang Pengajaran UTeM.

Pembelajaran Sepanjang hayat

Majlis Keraian Anugerah Dekan Sem II, Sesi 2021/2022 Bagi Pelajar Separa Masa

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) telah mengadakan **Majlis Keraian Anugerah Senarai Dekan** pada Semester II Sesi 2021/2022 kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Program Separa Masa buat julung kalinya diadakan sepanjang program separa masa ini mula ditawarkan pada tahun 2017.

Seramai 15 orang pelajar yang telah mendapat Anugerah Dekan dan berjaya mencapai GPA 3.50 pada peperiksaan semester tersebut. Pelajar tersebut terdiri daripada: 4 orang pelajar FKE (BEKG), 4 orang pelajar FKM (BMCG), 5 orang pelajar FTKEE (BEEI) dan 2 orang pelajar FTKMP (BMMA).

Lawatan Kerja Ke Unit Pembangunan APEL, UKM

Satu lawatan kerja ke Pusat Pengurusan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 30 Ogos 2022 (Selasa). Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu berkaitan struktur dan pembangunan Unit APEL dan pelaksanaannya di UTeM.

Lawatan Audit Lokasi Ke Institut Di Sabah Bagi Menjalankan Program Separa Masa – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (BEKG)

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat UTeM telah mengadakan lawatan audit lokasi pada 1 & 2 September 2022 di beberapa institusi yang bersesuaian bagi penawaran program BEKG di Sabah. Beberapa lokasi telah dilawati bagi melihat kesesuaian pusat pembelajaran baharu bagi bakal pelajar separa masa di Sabah. Antara lokasi yang dilawati adalah: Universiti Malaysia Sabah (UMS), Politeknik Kota Kinabalu, Kolej Yayasan Sabah. Program Separa Masa (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik) ini dijangka akan bermula pada Semester I Sesi 2023/2024.

Workshop On APEL. C (Credit Award): Towards Becoming an APEL C Centre

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat telah mengadakan *Workshop on APEL.C (Credit Award): Towards Becoming an APEL.C Centre* yang disampaikan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Workshop ini diadakan pada 3 Oktober 2022 di Active Learning Room CAES, Makmal 1, Kampus Teknologi dimana workshop ini bertujuan untuk mengiktiraf pembelajaran yang diperoleh daripada pengalaman kerja dan kursus-kursus pendek yang disediakan, mengurangkan pembelajaran berulang kepada pelajar, menggalakkan kemasukan calon dewasa ke program tinggi dan juga mengurangkan kos dan masa untuk menamatkan pengajian.

7.0

MERINTIS TEKNOLOGI MASA HADAPAN



Merintis Teknologi Masa Hadapan

Pemilikan Geran Penyelidikan

Pemilikan Geran Penyelidikan di UTeM dikategorikan kepada beberapa jenis geran iaitu Geran Nasional, Geran Swasta & Industri, Antarabangsa dan Universiti.


Pada tahun 2022, UTeM mencatatkan peningkatan sebanyak 17% terhadap pemilikan Geran Penyelidikan iaitu sebanyak RM 6,624,064.00 berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak RM 5,511,171.71 bagi keseluruhan pemilikan geran di UTeM.

Berikut adalah pencapaian pemilikan Geran Penyelidikan UTeM bagi tahun 2022 :

Jadual 17 Pencapaian pemilikan Geran Penyelidikan UTeM tahun 2022

Geran	Nasional	Swasta & Industri	Antarabangsa	Universiti
RM	3,694,115.00	316,000.00	53,000.00	2,560,949.00

Jumlah keseluruhan: **RM 6,624,064.00**



Rajah 10 Taburan Pemilikan Geran Penyelidikan UTeM Bagi Tahun 2022

Senarai Penerima Geran Penyelidikan Antarabangsa dan Industri

Jadual 18 Senarai Penerima Geran Penyelidikan Antarabangsa dan Industri bagi tahun 2022

Bil	Nama Industri	Ptj	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Nilai Geran Yang Diperolehi
1	UKRI Manchester University	FKE	Prof. Madya Ir. Dr. Gan Chin Kim	<i>Towards An Implementation of The "Terse" Approach in Malaysia: Longitudinal Study and Local Dissemination Activities</i>	RM 53,000.00
2	DMDI	FPTT	Prof. Madya Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid	<i>Strengthening The Involvement of Melaka in Food Industry of The Melaka Domestic and Abroad in Year 2022 to 2030</i>	RM 100,000.00
3	Petronas Lubricants Inc.	FKE	Dr. Norafizah binti Abas	<i>Design of Condensate Water Recovery System for Sustainable Waste Management</i>	RM 50,000.00
4	Petronas Lubricants Inc.	FKE	Puan Arfah Syahida binti Mohd Nor	<i>Lightning Interference in 4G Wireless Communication Links</i>	RM 20,000.00
5	MIHI	FKEKK	Dr. Muhammad Idzdiyar bin Idris	<i>Development of Low-Cost Spin Coating System With IoT</i>	RM 26,000.00
6	Solid Precision Engineering Sdn Bhd	FKP	Prof. Dr. Md Nizam bin Abd Rahman	<i>In-Die Tapping Device for Precision Metal Stamping Tooling</i>	RM 40,000.00
7	SAWIPAC Sdn Bhd	FKM	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Rizal bin Alkahari	<i>Design and Development of Decorer Machine</i>	RM 10,000.00
8	SME Aerospace Sdn Bhd	FTKMP	Ts. Dr. Rohana binti Abdullah	<i>Development of Low Cost Online Monitoring System for Machine Vibration Using Mems Sensor</i>	RM 40,000.00
9	RZTECH Sdn Bhd	FKP	Prof. Madya Dr. Raja Nor Firdaus Kashfi bin Raja Othman	<i>Pilot Study of Hollow Rotor Spoke Typebldc for Oil Palm</i>	RM 50,000.00
10	M.A. Intelligent Parking Sdn Bhd	FTKMP	Ir. Dr. Mohd Asri bin Yusuff	<i>Development of Small Scale Prototype Multilevel Car Parking System</i>	RM 50,000.00

Jumlah : RM 369,000.00

Memorandum Persefahaman (MoU)

Jadual 19 Senarai MoU yang telah berjaya dimeterai pada tahun 2022

Bil.	Institusi/Agensi	PTJ	Tajuk
Gambar : Naiktaraf Tapak Pakir Kenderaan OKU



Gambar : Penukaran Pintu Sedia ada Kepada Pintu Kaca

Membekal dan Memasang Papan Tanda Simpang Jalan dan Lain-Lain Kerja Berkaitan

Nama Kontraktor	:	AME Jasa Enterprise	
Kos Projek	:	RM 121,020.00	
Tarikh Mula	:	5 September 2022	
Tarikh Siap	:	Siap Asal	Siap Semasa
		5 Mac 2023	1 Mac 2023
Kemajuan Fizikal (sehingga Mac 2023)	:	Jadual	Sebenar
		100%	100%

Status:

- Telah siap sepenuhnya pada 1 Mac 2023

Papan Tanda Simpang - 12 unit

Papan Tanda Bangunan - (J1, J2, J5, J6, J7, J8, J11, J13, J14, J15, J16 & J19)



Kerja-Kerja Tambahan Pencahayaan dan Pembekalan Kerusi Meja Sasana Niaga

Nama Kontraktor	:	Taming Sari Electrical Services	
Kos Projek	:	RM 19,560.00	
Tarikh Mula	:	7 November 2022	
Tarikh Siap	:	Siap Asal	Siap Semasa
		23 November 2022	-
Kemajuan Fizikal (sehingga 10 Disember 2022)	:	Jadual	Sebenar
		100%	100%

Status:

- Siap sepenuhnya pada 23 November 2022



Lain-lain Perkara Berimpak

No.	Perkara	Status
1.	Perpindahan CRIM	CRIM dijangka berpindah pada Mac 2023 selepas selesai naiktaraf.
2.	Pembinaan Jalan Pesisir Kampus Induk UTeM	Diperingkat pelaksanaan perolehan bagi pelantikan perunding Juruukur Tanah Bertauliah secara Rundingan Terus. Pihak JKR memaklumkan status permohonan peruntukan melalui surat bernombor (54)JKRM..J.060/200/125/125/20/2 bertarikh 24 November 2022 di mana peruntukan telah dimohon di bawah Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12;RP3) melalui Kerajaan Negeri Melaka dan Kementerian Pembangunan Bandar dan Wilayah. Namun masih belum menerima sebarang maklumbalas berkaitan peruntukan yang dimohon. Di mana peruntukan telah dimohon di bawah Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12;RP3) melalui Kerajaan Negeri Melaka dan Kementerian Pembangunan Bandar dan Wilayah. Namun masih belum menerima sebarang maklumbalas berkaitan peruntukan yang dimohon.
3.	Penyewaan tambahan tanah PTP di Kampus Induk UTeM kepada PERTAM Services Sdn. Bhd. berkeluasan 10.26 ekar	Telah diperaku Mesyuarat Majlis Eksekutif pada 8 November 2022. Kertas kerja sedia untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK).

Pengurusan dan Penyelenggaraan Prasarana


Pelaksanaan operasi dan perkhidmatan penyelenggaraan yang terbaik merupakan sebahagian daripada agenda unggul universiti bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan warga kampus sentiasa terjamin.

Projek Penyelenggaraan


Terdapat 57 projek penyelenggaraan sepanjang tahun 2022 yang terdiri daripada Projek Penyelenggaraan Berkala dan Projek Penyelenggaraan secara One-Off.

Rajah xx memaparkan pecahan projek mengikut disiplin yang terdiri daripada 4 bahagian utama. Setiap bahagian mempunyai projek penyelenggaraan yang penting bagi memberi impak kepada kesejahteraan dan keselesaan staf, pelajar dan pelawat UTeM.






Rajah 16 Pecahan Projek Penyelenggaraan



Rajah 17 Pecahan Projek Mengikut Disiplin

Sebanyak 91% daripada perancangan projek berjaya dan sedang dilaksanakan bagi memastikan prasarana Universiti sentiasa dalam keadaan optimum untuk digunakan.



Rajah 18 Status Projek (Sehingga 31 Disember 2022)

Penggantian Pengkool Jenis “Water Cooled Chiller” dan Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan Lain yang Berkaitan Terhadap Peralatan di Bangunan-Bangunan Kampus Induk UTeM

Kerja-kerja penggantian peralatan Pengkool (Chiller Unit) sebanyak 12 buah unit di 4 bangunan Kampus Induk UTeM iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) termasuk kerja-kerja penukaran alat ganti Menara Pendingin.

Nama Kontraktor	: TSG Expert Sdn. Bhd.
Kos Projek	: RM 6,920,500.00
Tarikh Mula	: 18 Januari 2022
Tarikh Siap	: 05 Februari 2023



Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan dan Penyelenggaraan Sistem Bekalan Air Utama Termasuk Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan di Kampus Induk UTeM

Penggantian komponen-komponen sokongan pada sistem bekalan air dan komponen utama (Altitude Valve) telah selesai dilaksanakan dengan sempurna serta sedang beroperasi dalam tempoh pengujian

Nama Kontraktor	: Sinar Eja Engineering & Supply Sdn. Bhd.
Kos Projek	: RM 375,000.00
Tarikh Mula	: 1 Jun 2022
Tarikh Siap	: 29 November 2022



Kerja-Kerja Penggantian dan Pembaikan Pagar Sempadan di Kampus Induk UTeM

Kerja-kerja penggantian pagar fasa 2 sepanjang 2.3 km telah siap dilaksanakan dengan sempurna.


Nama Kontraktor	: M&E Bina Enterprise
Kos Projek	: RM 121,111.00
Tarikh Mula	: 1 Jun 2022
Tarikh Siap	: 22 September 2022



Perkhidmatan Pembaikan, Pembekalan, Penggantian dan Pendawaian Baru Bagi Sistem Audio dan Video Serta Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di UTeM

Perlaksanaan perkhidmatan pembaikan, pembekalan, penggantian dan pendawaian berdasarkan perancangan telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana skop serta spesifikasi kerja. Pemasang Smart TV di Bilik Mesyuarat Pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik & Antarabangsa, Pejabat TNC Penyelidikan & Inovasi, Pejabat TNC HEPA, Bendahari dan Lobi Dewan Canselor.

Nama Kontraktor	: CR Multimedia (M) Sdn Bhd
Kos Projek	: RM 172,470.00
Tarikh Mula	: 6 September 2022
Tarikh Siap	: 31 Oktober 2022



Peningkatan Kompetensi Staf Teknikal

Peningkatan kompetensi dikalangan staf teknikal merupakan 1 elemen yang penting dalam pengurusan penyelenggaraan. Pada tahun 2022, 2 orang staf pengurusan telah menghadiri *Course for Certified Environmental Professional in Sewage Treatment Plant Operation (CePSTPO)* yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar sebagai proses perolehi kompetensi.

Selain itu, 6 orang staf pengurusan dan sokongan telah dihantar menghadiri kursus-kursus teknikal berkaitan tugasannya antaranya Penyelenggaraan Penghawa Dingin Kenderaan, Pemeriksaan Perancah Tahap 1, Pemasangan Perancah Tahap 2, Operasi & Penyelenggaraan Automasi Bangunan dan lain-lain lagi.





10.0

**GEDUNG
ILMU DAN
INSTITUSI
REPOSITORI**



Gedung Ilmu dan Institusi Repositori

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM khasnya dan negara amnya.

Perpustakaan Laman Hikmah mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan fasiliti fizikal.

Sehingga Disember 2022, koleksi perpustakaan adalah berjumlah 142, 119 judul bahan meningkat berbanding tahun 2021 sebanyak 136,623 yang merangkumi buku, jurnal, majalah, audio visual dan media elektronik. Seiring dengan keperluan pendigitalan semasa, 6 pangkalan data telah dilanggan dan 70 judul e-book telah dibeli sebagai memenuhi keperluan pengguna. Segala kemudahan fasiliti telah dipelbagaikan dengan mempraktikkan konsep santai serta penganjuran program / aktiviti yang lebih berimpak sesuai dengan kehendak generasi kini.

Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog dalam talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan Laman Hikmah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong visi dan misi UTeM.

Institusi Repositori & Koleksi Digital UTeM


Universiti Teknikal Malaysia Melaka *Institutional Repository* (IR UTeM) dan koleksi digital merupakan pendekatan terkini Perpustakaan Laman Hikmah dalam seiring dengan perkembangan teknologi maklumat di mana semua bahan ilmiah termasuk hasil penyelidikan warga UTeM dikumpul, disusun, dipelihara dan disebarkan bagi tujuan perkongsian ilmu secara dalam talian berdasarkan polisi yang telah ditetapkan.

Pada masa ini koleksi yang disimpan di IR UTeM terdiri daripada tesis, artikel, kertas persidangan, paten, buku, bab buku dan laporan teknikal. Manakala untuk koleksi lain seperti projek tahun akhir, pertunjukan/pameran, imej, video, audio, sumber pengajaran, ucapan Naib Canselor dan lain-lain dijadikan sebagai koleksi digital perpustakaan.


IR UTeM yang memfokuskan kepada bahan ilmiah bagi menyokong keterlihatan UTeM mempunyai 8,541 judul dan koleksi digital meyimpan koleksi Projek Sarjana Muda dan bahan umum mempunyai 15,055 judul. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah bahan di dalam kedua-dua platform ini secara keseluruhan ialah 23,596 judul.

Jadual 33 Koleksi Repositori UTeM 2022 Mengikut Kategori

Bahan/Tahun	2022
Teks Ucapan NC	473
Artikel	5,132
Seksyen Buku	122
Seminar / <i>Workshop</i>	1,671
Projek Sarjana Muda	13,378
Buku	136
Tesis	1,421
Paten	23
Gambar	1037
Video	32
Audio	1
<i>Teaching Resource</i>	21
Pameran	6
Lain-lain	1
Keratan akhbar	105
Buletin	1
Laporan teknikal	36
Jumlah	23,596



Institusi Repositori UTeM



Koleksi Digital UTeM

Membina Galeri Memori Korporat di Perpustakaan Laman Hikmah

Dengan tema “Memori Korporat: Menelusuri Kecemerlangan dan Kegemilangan UTeM”, Perpustakaan Laman Hikmah telah mengorak selangkah lagi ke hadapan dengan mengambil inisiatif menubuhkan sebuah galeri digital atau e-galeri melalui satu pusat sehati. Objektif utama penubuhan Galeri Memori Korporat adalah sebagai pusat penyimpanan, penyebaran dan perkongsian keseluruhan maklumat sejarah serta peristiwa penting yang berlaku sepanjang penubuhan UTeM dalam bentuk digital secara sistematik.

Galeri Digital ini juga dapat dijadikan sebagai pusat rujukan kepada semua warga UTeM khususnya dan masyarakat sekeliling secara amnya dalam memahami dan mendapatkan maklumat tentang susur galur kecemerlangan dan kegemilangan UTeM. Pembangunan galeri ini pada fasa awal sebagai persediaan kepada penubuhan satu galeri yang berkeluasan dan berkapasiti



besar sekaligus ke arah penubuhan sebuah muzium pada masa akan datang. Dengan tertubuhnya galeri ini, sejarah UTeM dapat disebar luas kerana koleksi bukan sahaja dipamerkan secara fizikal malahan boleh juga diakses secara maya melalui portal serta pautan di platform media sosial Perpustakaan Laman Hikmah.

Sebagai fakta, koleksi maklumat ini juga dihasilkan berdasarkan sumber-sumber yang sahih dan benar. Sumber ini akan diolah semula menjadi satu bentuk penulisan bergenre sejarah yang merakam setiap peristiwa yang telah berlaku sepanjang penubuhan UTeM. Di awal fasa pembangunan Galeri Digital ini, pengesanan semua bahan adalah secara menyeluruh sama ada dalam bentuk fizikal, dokumen, digital, video mahupun sumber lisan. Seterusnya, koleksi maklumat ini akan didokumentasikan dalam bentuk digital dan akan dimuatnaik ke dalam satu platform khas di galeri digital.

Sehingga 31 Disember 2022, Perpustakaan Laman Hikmah telah berjaya mengumpul sebanyak 14,276 bahan yang merangkumi artifak/replika, cenderahati, video peristiwa/aktiviti, gambar program-program universiti, dokumen/rekod, buletin, keratan akhbar dan lain-lain bahan yang mempunyai nilai simbolisme kepada UTeM. Bahan-bahan ini adalah daripada koleksi Perpustakaan Laman Hikmah, sumbangan daripada staf, pelajar dan alumni UTeM. Koleksi galeri juga dipamerkan secara fizikal di beberapa lokasi di Perpustakaan Laman Hikmah mengikut pameran bertema. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 6 pameran telah dijalankan.




Pameran Bertema Memori Korporat

Penarafan 5 Bintang Laman Sesawang Perpustakaan

Perpustakaan Laman Hikmah senantiasa peka dan menambahbaik Portal secara berterusan dan mesra pengguna bagi memastikan paparan Portal yang lebih bermaklumat, interaktif, grafik yang menarik, diterokai ramai dan mewujudkan pautan pantas kepada pengguna. Portal kini diakui sebagai salah satu nadi utama dalam penyampaian maklumat yang berkesan dan mudah diakses menerusi pelbagai peranti mudah alih secara meluas.

Pada tahun 2022, Laman Sesawang Perpustakaan Laman Hikmah dinobatkan sebagai laman web PTj UTeM yang mencapai penarafan 5 bintang bagi tahun 2021 dan ini merupakan kejayaan kali keempat yang mana kejayaan sebelum ini dilakarkan pada 2017, 2019 dan 2020. Pada masa yang sama mereka turut terpilih menduduki tempat pertama daripada 40 penyertaan.



Portal Perpustakaan Laman Hikmah

Program Pembudayaan Ilmu

Pada tahun 2022, Perpustakaan Laman Hikmah telah menganjurkan 89 program kepada pengguna yang bercirikan pembudayaan ilmu. Program ini terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu sokongan pengguna, latihan & pembangunan staf dan program bersama komuniti. Penganjuran pelbagai program ini adalah bagi memastikan perpustakaan terus kekal relevan kepada warga universiti dan masyarakat setempat terutama dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang efektif dan efisien kepada pemegang taruh.

Antara program berimpak tinggi adalah seperti berikut:

i. **Talkshow@Library**

Pada tahun 2022 sebanyak 4 sesi Talkshow@Library telah dianjurkan dengan kehadiran peserta daripada UTeM dan luar UTeM seperti organisasi setempat, pelajar sekolah dan sebagainya. Objektif penganjuran Talkshow@Library ini adalah untuk memperkasakan hubungan kerjasama antara Perpustakaan Laman Hikmah dengan agensi kerajaan mahupun swasta di samping menjadi pusat rujukan setempat dalam aspek perkongsian maklumat, kepakaran dan khidmat nasihat.

ii. **Program Sembang AUTeM @Memori Korporat**

Program ini telah dijalankan sebanyak 2 siri bertempat di Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk, UTeM. Program ini merupakan satu program anjuran bersama Perpustakaan Laman Hikmah, Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dan Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), HEPA yang telah dirasmikan oleh Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM.

Program ini bertujuan untuk mengumpul alumni-alumni UTeM bagi berkongsi pengalaman dan maklumat berkaitan sejarah awal penubuhan universiti melalui sejarah lisan kepada semua warga kampus terutama sekali pelajar dan staf baharu dalam mengetahui sejarah awal UTeM yang bermula sebagai Kolej Universiti Teknikal yang pertama di Malaysia. Selain itu, tujuan program ini diadakan adalah untuk pemantapan fungsi Perpustakaan Laman Hikmah dalam mengumpul, memelihara dan menyebarkan semua maklumat serta informasi yang bernilai sejarah dan 'simbolisme' kepada UTeM sekaligus menghargai sumbangan bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh pelbagai pihak sejak penubuhan UTeM pada 1 Disember 2000.



Sembang AUteM Sesi 1



Sembang AUteM Sesi 2

Jadual 34 Program Sembang AUteM @Memori Korporat tahun 2022

Bil	Tajuk	Tarikh	Platform	Kehadiran Peserta
1	Menelusuri Kecemerlangan & Kegemilangan UTeM: Di Sini Segala Bermula... (Sesi 1)	9 Jun	Bersemuka	85
2	Menelusuri Kecemerlangan & Kegemilangan UTeM: Tiada Dulu, Tiadalah Sekarang... (Sesi 2)	21 Disember	Bersemuka	80

iii. Library outreach/ Publisher Talk

Penganjuran Publisher Talk pada tahun 2022 dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak pembekal Elsevier dan Proquest Dissertations and Theses Global yang bermatlamatkan memberi pendedahan kepada peserta mengenai sumber-sumber maklumat terkini di dalam pangkalan data berkaitan untuk menghasilkan penerbitan artikel yang berkualiti. Manakala penganjuran Library Outreach pula terbuka kepada warga Universiti untuk menggunakan kemudahan dan sumber sokongan penyelidikan di Perpustakaan Laman Hikmah serta topik berkaitan menguruskan profil ID seorang pengarang dalam Scopus dengan lebih sistematik.

Jadual 35 Program Library outreach/ Publisher Talk tahun 2022

Bil	Tajuk	Tarikh	Platform	Jumlah
1	<i>Library Outreach: How to Merge SCOPUS ID?</i>	April	Dalam Talian	21
2	<i>Library Outreach: Is It Necessary For The Researcher To Use Publons? by Ir. Dr. Anas Abdul Latiff</i>	Mei	Dalam Talian	15
3	<i>Publisher Talk: Best Practices Sharing for Manuscript Submission by Dr. Benny Ang, The Platform Consultant, Elsevier</i>	Jun	Dalam Talian	26
4	<i>Publisher Talk: Proquest Dissertations And Theses Global</i>	Novemb er	Dalam Talian	3
5	<i>Library Outreach: Research Resources @ PLH by Rasida Abu Bakar & Mohd Mawardi Badruddin</i>	Disemb er	Dalam Talian	9

iv. Bulan Membaca

Program Bulan Membaca 2022 merupakan aktiviti tahunan yang dijalankan bagi menyokong Dekad Membaca Kebangsaan yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membaca dalam tempoh 10 tahun bermula 2021 hingga 2030. Penganjuran program ini adalah antara inisiatif Perpustakaan Laman Hikmah dalam usaha menyokong aktiviti pembacaan ke arah membentuk masyarakat yang berpengetahuan, berilmu dan bermaklumat dalam kalangan warga universiti. Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan adalah seperti berikut:



v. Program Jalinan Komuniti



Tahun 2022 Perpustakaan Laman Hikmah telah menjalankan Program Jalinan Komuniti di 3 lokasi iaitu di Masjid Al-Ghaffar Jasin pada 13 Julai, Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Seri Bemban pada 6-7 Disember dan Sekolah Kebangsaan Bukit Senggeh pada 9 Disember.

Objektif utama program ini adalah bagi melaksanakan tanggungjawab sosial pada komuniti setempat khususnya sekitar UTeM bagi menyokong pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, projek ini juga dapat menggalakkan keterlibatan staf perpustakaan dalam program yang berbentuk perkhidmatan kepada komuniti.

Jadual 36 Program Jalinan Komuniti tahun 2022

Bil	Organisasi	Tarikh	Khidmat Bantu
1	Masjid Al-Ghaffar, Jasin	13 Julai	Sudut Bacaan
2	Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Seri Bemban, Bemban	6-7 Disember	Naik taraf perpustakaan dan kelas maklumat
3	Sekolah Kebangsaan Bukit Senggeh, Selandar	9 Disember	Kelas maklumat

Kempen Sumbangan Bahan Bacaan

Kempen sumbangan bahan bacaan yang bertemakan *Keep A Book Alive* diteruskan bagi tahun 2022 merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi peluang dan galakkan kepada warga UTeM untuk berkongsi bahan bacaan serta membudayakan sikap prihatin serta cintakan buku dalam kalangan masyarakat.

Bagi melebarkan semarak kempen ini maka Perpustakaan Laman Hikmah telah menempatkan kotak-kotak sumbangan bahan di fakulti, PTJ, asrama pelajar serta di perpustakaan. Bagi tahun 2022, sebanyak 592 judul / 900 naskah bahan sumbangan telah dipilih untuk dijadikan koleksi Perpustakaan Laman Hikmah. Selain itu, bahan sumbangan yang tidak dijadikan koleksi perpustakaan akan disumbangkan kepada komuniti bagi dimanfaatkan secara berterusan.




Jadual 37 Penerimaan Bahan Sumbangan Sepanjang Kempen 2022

Bil	Perkara	Jumlah Bahan	
		Judul	Naskah
1	Book Donation Campaign 2022	312	440
2	Sumbangan Dalam	200	335
3	Sumbangan Luar	80	125
Jumlah		592	900

Pengoperasian Kembali 24 Jam di Perpustakaan Laman Hikmah

Pengoperasian 24 Jam Perpustakaan Laman Hikmah kini dilaksanakan kembali pada 13 Jun 2022 di aras 2 Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Induk sebagai pengembangan peranan Perpustakaan Laman Hikmah secara lebih strategik dan berdaya tahan, sekaligus mengekalkannya sebagai sebuah pusat rujukan yang dinamik, komprehensif dan inklusif.

Pembukaan kembali ini juga sebagai tanda sokongan dan inisiatif prihatin untuk perkhidmatan ruang dalam menjadikan Perpustakaan Laman Hikmah sebagai *collaborative space* dan *prime hangout spot* warga universiti secara berterusan di perpustakaan. Berikutan pelaksanaan pengoperasian 24 jam tersebut telah menyumbang kepada peningkatan bilangan kehadiran daripada 17,760 orang pada tahun 2021 kepada 118,031 orang pada tahun 2022.




Sarapan Pagi Percuma di Perpustakaan Laman Hikmah UTeM


Atas keprihatinan dan rasa tanggungjawab bersama meringankan beban kos makanan yang dihadapi oleh mahasiswa dewasa ini, Perpustakaan Laman Hikmah telah mengambil inisiatif mengadakan Program Sarapan Pagi Percuma kepada pengguna perpustakaan. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan dan terkesan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Melalui program ini, Perpustakaan Laman Hikmah menyediakan sarapan nasi lemak dan air mineral menerusi peruntukan sumbangan dari orang perseorangan disamping makanan lain hasil sumbangan oleh warga Universiti yang ingin berkongsi rezeki bersama-sama golongan sasar tersebut. Program ini telah bermula semenjak September lalu dan dirancang untuk diteruskan sebanyak 2 kali sebulan. Sarapan percuma ini disediakan bertempat di lobi perpustakaan di kedua-dua kampus seawal jam 8.30 pagi untuk dinikmati oleh para pengguna.





WEB
HOSTING



11.0

**PENGURUSAN
INFRASTRUKTUR
DAN
INFOSTRUKTUR
ICT**


Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT

Infrastruktur

Naik Taraf Jalur Lebar Kampus Teknologi

Usaha penambahbaikan perkhidmatan ICT sentiasa dilakukan secara berterusan sejajar dengan perkembangan teknologi serta menampung keperluan inisiatif pendigitalan UTeM secara menyeluruh. Internet merupakan antara perkhidmatan yang kritikal sebagai agen perubahan dan inovasi proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta pentadbiran supaya dapat dilaksanakan pada keupayaan yang optimum dan lebih efisien.

Sedar dengan keperluan yang meningkat, internet Kampus Teknologi telah ditambah kapasiti daripada 1Gbps kepada 2Gbps bermula bulan Oktober 2022. Ia dilaksanakan melalui kontrak bersama Time dot COM (TIME). Kontrak perkhidmatan internet ini meliputi Kampus Induk, Kampus Teknologi serta sambungan rangkaian antara kampus UTeM. Beberapa nilai tambah seperti penggunaan *Advanced Threat Protection (ATP)* juga dilaksanakan bagi mengurangkan risiko keselamatan siber.



Rajah 19 Gambar Rajah Rangkaian Internet di UTeM

Peningkatan Liputan WiFi

Pada ketika ini, liputan perkhidmatan WiFi di UTeM mencakupi kawasan berpenghuni di Kampus Induk dan Kampus Teknologi serta di kolej-kolej kediaman pelajar. Kemudahan WiFi ini tersedia untuk kegunaan semua staf, pelajar dan pelawat UTeM. Akses kepada kemudahan ini menerusi SSID MyUTeM dan UTeM-Guest. Penggunaan teknologi WiFi 6 juga diperkenalkan dan sedang diperluaskan di keseluruhan Kampus UTeM.

Dalam usaha untuk meningkatkan kelangsungan perkhidmatan dan liputan Wifi, bermula Mac hingga Julai 2022, Pejabat Ketua Pegawai Maklumat telah menjalankan aktiviti penilaian liputan (wireless heatmap assessment) rangkaian tanpa wayar (WiFi) secara fizikal di kawasan berpenghuni di seluruh kampus. Tujuan aktiviti ini adalah untuk mengenalpasti kawasan-kawasan berpenghuni yang masih tiada atau kurang berkenaan liputan WiFi dengan lebih komprehensif.

Hasil daripada aktiviti ini, peratusan liputan di Kampus Induk telah ditingkatkan daripada 80% kepada 85%. Namun begitu, Kampus Teknologi masih lagi tertangguh pemasangannya kerana memerlukan pendawaian rangkaian baru dan dijangka selesai Jun 2023. Ini dapat meningkatkan peratusan liputan daripada 80% kepada 83%.

Berikut adalah jadual aktiviti yang dilakukan:

Jadual 38 Pelaksanaan *Wireless Heatmap Assessment*


Fasa 1	Kampus Induk	7 Mac 2022 hingga 16 Mei 2022.
Fasa 2	Kampus Teknologi	17 Mei 2022 hingga 1 Julai 2022.

Berikut adalah bilangan penambahan dan penempatan semula access *point* mengikut kampus:


Jadual 39 Penambahan dan Penempatan Semula Access Point

Fasa	Lokasi	Penempatan (Relocation) Access Point	Semula Penempatan Access Point	Penambahan Access Point
Fasa 1	Kampus Induk	9 unit		19 unit
Fasa 2	Kampus Teknologi		37 unit	28 unit


Berikut adalah contoh liputan sebelum dan selepas aktiviti:




Rajah 20 Liputan di Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Kampus Induk (sebelum)



Rajah 21 Liputan di Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Kampus Induk (selepas)



Rajah 22 Liputan di Kilang 4, Kampus Teknologi (sebelum)



Rajah 23 Liputan di Kilang 4, Kampus Teknologi (selepas)

Pemasangan Peralatan Sidang Video

Keperluan dan peningkatan penggunaan *platform* sidang video maya di UTeM begitu ketara bermula Mac 2020 ketika Malaysia dan dunia umumnya dilanda wabak COVID-19. UTeM menggunakan pelantar sidang video maya *Microsoft Teams* dan *Cisco Webex* sebagai *platform* rasmi untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pengoperasian UTeM secara maya mahu pun secara hibrid.

Bagi memperkukuh dan memperluaskan penggunaan platform sidang video maya ini dengan skala kapasiti yang lebih besar, Pejabat Ketua Pegawai Maklumat telah menyelaraskan perolehan dan pemasangan peralatan sidang video ini secara berpusat. Pemasangan dan serahan peralatan ini berlaku pada bulan Mei 2022 melibatkan sebanyak 50 unit kamera sidang video berprestasi tinggi, 28 kamera sidang video mudah alih dan 1180 kamera komputer untuk kegunaan pelajar di Perpustakaan Laman Hikmah.



Peralatan sidang video yang dibekalkan
(Polycom Poly Studio)



Peralatan sidang video yang dibekalkan
(Logitech Conference Cam)

Set Kamera Komputer Personal: 1180 unit



Jadual 40 Bilangan dan jenis kamera beserta headset yang dibekalkan

Bil		Model Peralatan	Kuantiti
1	Kamera	Poly Studio P5 Desktop Camera	1180
2	Headset	Poly Blackwire C3225	1180

Peningkatan Kapasiti Storan Boleh Skala

Pelan Strategik UTeM (5 Strategic Thrust) 2023-2025 menerusi Teras ke 4 di bawah inisiatif strategik ke-10 menyasarkan ketersediaan kapasiti storan untuk menampung keperluan digital kepada 31TB menjelang 2025. Sehingga Disember 2022, penggunaan storan boleh skala ini telah mencapai kapasiti kepada 28TB. Ini melebihi jangkaan awal untuk tahun 2022 iaitu sebanyak 17.5TB.

Peningkatan ketara ini berikutan peningkatan simpanan kandungan digital menerusi pelbagai aplikasi yang dibangunkan untuk pengajaran dan pembelajaran, pengoperasian universiti serta penyelidikan. Penggunaan Sistem *Dashboard*, MyMesyuarat, uLearn, peperiksaan dalam talian, repositori, data penyelidikan dan arkib adalah antara sistem-sistem dan perkhidmatan yang memerlukan kapasiti storan yang besar dan pantas.

Menyelaras dan Menaiktaraf Sistem *Walkie Talkie* UTeM

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah memutuskan untuk menamatkan sepenuhnya rangkaian 3G di seluruh negara pada akhir 2021. Rentetan dari penamatan rangkaian 3G di seluruh negara, sistem *walkie-talkie* di UTeM juga menerima impak disebabkan tiada lagi capaian 3G.

Bagi mengelakkan risiko kegagalan perkhidmatan ini, Pejabat Ketua Pegawai Maklumat telah menaiktaraf dan menyelaras kembali penggunaan *Walkie Talkie* di UTeM dengan menggunakan sokongan teknologi 4G. Ini melibatkan perolehan baru 60 unit untuk kegunaan operasi harian Polis Bantuan UTeM. Sebanyak 60 unit *Point-to-Point Walkie-Talkie* juga disediakan untuk kegunaan secara berpusat dan majlis-majlis rasmi Universiti.



Rajah 24 4G IP Walkie Talkie (BELFONE CM626S)



Rajah 25 Point-To-Point Walkie Talkie (BELFONE TD505)


Infostruktur

Bahagian linfostruktur bertanggungjawab dalam membangun dan menyelenggara aplikasi sistem dalam menuju *UTeM Smart Campus*. Aplikasi sistem yang dibangun dan diselenggara bagi memastikan operasi pentadbiran staf, pengurusan hal-ehwal pelajar, pengurusan PdP dan lain-lain dapat mencapai automasi yang maksimum ke arah transformasi pendigitalan sepenuhnya.

Early Warning System

Early Warning System merupakan inisiatif dari Pejabat Ketua Pegawai Maklumat dalam menambah nilai untuk meningkatkan pengalaman pengguna atau *User Experience (UX)* dalam menggunakan portal Sistem Maklumat Universiti (SMU).

Dari sudut pelaksanaannya, *Early Warning System* berfungsi sebagai *alert system* yang akan menghantar notifikasi emel secara automatik kepada pengguna untuk pemakluman awal agar pengguna dapat membuat persediaan dan perancangan yang sewajarnya. Inisiatif ini dilihat dapat meningkatkan kualiti dan kecekapan pengurusan pentadbiran secara keseluruhannya.



Rajah 26 *Early Warning System* yang dilaksanakan di dalam SMU

e-VIVA

Pejabat Ketua Pegawai Maklumat dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah membangunkan dan melaksanakan modul e-VIVA sepenuhnya secara dalam talian bermula Julai 2022.

Proses e-VIVA melibatkan proses penghantaran notis serah tesis oleh pelajar secara dalam talian. Penyelia Utama membuat pencalonan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar. Pengesahan fakulti serta pencalonan Pembantu Pengerusi dilakukan di peringkat fakulti. Notis yang telah disahkan di peringkat fakulti dibentangkan di Jawatankuasa Tetap Senat Pasca Siswazah (JKTSPS). Makluman/maklumbalas pencalonan/perlantikan adalah menggunakan medium emel.

Selepas Pengesahan JKTSPS, tesis pelajar disemak (berdasarkan format yang dikeluarkan oleh PPS) dan pelajar memuat naik tesis berdasarkan catatan pembetulan pemeriksa tesis. PPS akan mendaftarkan tarikh VIVA berdasarkan tesis yang telah diperakukan oleh fakulti.

Pelaksanaan e-VIVA telah memberikan impak yang signifikan seperti berikut:-

- 1 Melancarkan pengurusan dan pengoperasian melalui proses aliran kerja secara dalam talian
- 2 Maklumat berpusat dan memudahkan pemantauan serta kawalan yang lebih sistematik
- 3 Membantu dan memudahkan pelajar menguruskan penyerahan tesis secara dalam talian
- 4 Meningkatkan komunikasi antara pelajar, penyelia serta staf fakulti dan PPS

Rajah 27 Impak pelaksanaan e-VIVA

TUAH Index

Modul TUAH Indeks dibangunkan bagi mengukur pembangunan mahasiswa dalam aspek kemahiran insaniah, keaktifan dan kompetensi sepanjang berada di UTeM dan boleh dilihat atau dipantau terus secara dalam talian.

RUMUSAN SKOR	
INDIKATOR 1 (22.8-0)	79
INDIKATOR 2 (22.8-0)	14
INDIKATOR 3 (22.8-0)	38
INDIKATOR 4 (22.8-0)	22
INDIKATOR 5 (22.8-0)	24
INDIKATOR 6 (22.8-0)	23
Jumlah	209
Kecenderungan	
LAMENSI HARI	
SKOR	
Academik dan Pelajar	26
Etika dan Persekitaran	14
Perkembangan dan Keperluan	2
Selidikan	31
Persekitaran dan Masyarakat	14
Keperluan dan Masyarakat	10
Teknik dan Kejuruteraan	31
Persekitaran dan Masyarakat	2
Jumlah	102
Kategori Lain-lain	
SOSIAL SKOR	209
ARAS	4
TARAF	(Disqualified (Dosa) Cemerlang (Ikon)
STAR	☆☆☆

Rajah 28 Skrin Skor Pelajar TUAH Index



Rajah 29 Impak Modul TUAH Index



Rajah 30 Aplikasi Pintar Panic Button

Infostruktur

Pejabat Ketua Pegawai Maklumat dengan kerjasama Pejabat Keselamatan UTeM telah mengambil inisiatif membangunkan aplikasi pintar *UTeM Panic Button* bagi kemudahan staf dan pelajar UTeM membuat aduan kecemasan secara terus untuk tindakan Pejabat Keselamatan UTeM.

Aplikasi pintar *UTeM Panic Button* ialah aplikasi bantuan kecemasan untuk pengguna sekiranya berdepan situasi kecemasan dan bahaya seperti kes ragut, rompakan, serangan, jenayah harta benda, kecurian, kebakaran, rompakan, pergaduhan dan perbuatan yang mencurigakan.


Aplikasi ini telah dilancarkan pada 7 Julai 2022 oleh TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam, Canselor UTeM bersempena Majlis 100 hari Naib Canselor UTeM. Aplikasi ini boleh dimuat turun di platform *Google Play Store*, *Apple App Store* dan *Huawei AppGallery*.

Aplikasi Pintar Tuah Care Food@Campus

Tuah Care Food@Campus merupakan salah satu inisiatif bersepadu yang diperkenalkan oleh UTeM dalam menjaga kebajikan pelajar B40 di UTeM selaras aspirasi kerajaan dalam membela kebajikan para pelajar terutamanya yang kurang berkemampuan.

Menerusi inisiatif ini, Pejabat Ketua Pegawai Maklumat dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (HEPA) telah melancarkan aplikasi *Tuah Care Food@Campus* sebagai kemudahan kepada UTeM dan pelajar dalam pemberian subsidi bantuan makanan kepada pelajar B40 bersasar. Aplikasi ini telah dilancarkan bersempena Program KPT Prihatin Tuah UTeM Sejahtera pada 22 September 2022 yang disempurnakan oleh Menteri KPT.

Dengan menggunakan aplikasi ini, pelajar boleh menyemak kelayakan pemberian subsidi, menyemak sejarah transaksi dan mendapatkan kemudahan subsidi (bagi pelajar yang layak) dengan mengimbas QR Code yang ditempatkan disemua kafeteria UTeM. Aplikasi ini turut menyediakan menu laporan penggunaan dan transaksi kepada Pejabat TNC HEPA bagi tujuan pemantauan.




Rajah 31 Skrin Aplikasi Pintar TUAH Care Food@Campus

Laman Sesawang UTeM 2022

Dalam zaman teknologi masa kini, maklumat telah menjadi aset yang sangat penting kepada sesebuah organisasi. Penyampaian maklumat yang mudah serta tepat adalah sangat penting dalam mencerminkan keadaan, kebolehpercayaan serta reputasi sesebuah institusi.

Laman Sesawang web UTeM kini telah berusia 2 tahun dan kali terakhir ditambah baik adalah pada tahun 2020 lalu dan tentunya perlu bagi UTeM untuk menilai kembali fokus terhadap isi kandungan maklumat dan reka bentuk laman web dengan mengikut perkembangan semasa serta memberikan rasa segar dan baru kepada semua warga UTeM khususnya.



Rajah 32 Antara Muka Laman Web UTeM 2022

Rekabentuk baharu Laman Sesawang UTeM lebih berfokuskan maklumat kepada bakal pelajar dengan menerapkan ciri-ciri yang lebih interaktif dan mudah dicapai, pecahan seksyen maklumat mengikut fokus pengguna (bakal pelajar, pelajar semasa, staf, pelawat dan alumni) dan paparan pencapaian dan ranking semasa UTeM di halaman utama Laman Sesawang UTeM.

Selain itu, laman websesawang ini turut dilengkapi 'chatbot' yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan 'helpdesk' secara dalam talian manakala jika berlaku situasi offline, maka keadaan 'offline' maka pertanyaan akan diemalkan terus ke email webmaster UTeM.




Pusat Perkhidmatan Data Raya dan Analitik (PaDtRIoT)

Pusat Perkhidmatan Data Raya & Analitik (PaDtRIoT) telah ditubuhkan secara rasmi pada 5 Julai 2022 sebagai salah satu Pusat Berkuasa Universiti di bawah Pejabat Ketua Pegawai Maklumat. Fungsi utama PaDtRIoT adalah untuk mengurus pendigitalan data, pengumpulan data raya, analisis data dan kemunculan teknologi baharu untuk meningkatkan keupayaan UTeM untuk menyokong dan menyediakan perkhidmatan. Terdapat 2 bahagian utama di bawah PaDtRIoT iaitu, Bahagian Repositori dan Bahagian Analitik.

Latihan / Kursus ICT 2022

Bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan pentadbiran terutamanya dalam bidang ICT maka pelbagai modul latihan/kursus ICT telah ditawarkan pada tahun 2022.



Rajah 33 Senarai Kursus ICT yang telah dilaksanakan pada tahun 2022

Portal *e-Learning ICT* juga telah dibangunkan bagi membolehkan staf belajar secara sendiri pada bila-bila masa tanpa perlu menghadiri kelas. Pautan ke portal *e-learning ICT* adalah <https://elearningict.utem.edu.my/>. Staf hanya perlu memasukkan ID Pengguna dan kata laluan yang sama seperti email rasmi UTeM (Office 365).

Perluasan Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

UTeM telah menerima pensijilan ISMS sejak tahun 2013. Antara objektif pelaksanaan ISMS ini adalah untuk memberi jaminan dan meningkatkan keyakinan pelanggan dan pihak berkepentingan mengenai tahap keselamatan maklumat universiti.

Pada tahun 2022, selaras dengan inisiatif strategik yang telah disasarkan dalam *Seven Strategic Goal* (SSG UTeM) bagi *Goal 6 – Smart and Dynamic Campus* (SII 1.3: 2 Systems have been accredited by MS ISO 27001:2013 (ISMS) for ensuring data confidentiality, reliability and availability), skop ISMS telah diperluaskan daripada sebuah sistem iaitu Sistem Maklumat Pelajar (SMP) kepada dua buah sistem iaitu Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan Sistem Maklumat Pasca Siswazah (SMPS).

Sesi audit dari badan pensijilan luar iaitu SIRIM telah dilaksanakan pada 13-14 Oktober 2022 dan UTeM telah berjaya menerima pensijilan dengan skop baharu iaitu “Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Pengurusan dan Pengoperasian Sistem Maklumat Utama UTeM Merangkumi:

- 1) Sistem Maklumat Pelajar;
- 2) Sistem Maklumat Pasca Siswazah”




Rajah 34 Salinan sijil ISMS yang diterima

Projek Rintis Kampus Pintar dan Dinamik


Selaras dengan Pelan Strategik UTeM 2023-2025 menerusi Teras Strategik ke-4 (Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti), Pejabat CIO merangka strategi baharu untuk menjayakan agenda transformasi digital di UTeM. Strategi ini merangkumi beberapa fasa dan penting dalam memastikan agenda “Menjajar Universiti Melonjak Ke Hadapan” melalui projek-projek kampus pintar dan dinamik yang sedang berlangsung sekarang ini.

Projek ini telah bermula sejak Oktober 2022 sehingga September 2023 melibatkan 6 projek utama untuk dijayakan agar dapat digunakan oleh semua warga universiti dengan baik. Enam projek kampus pintar ini dapat dirumuskan seperti Rajah 35 di bawah.



Rajah 35 Cadangan Integrasi Enam Projek Kampus Pintar Dengan Sistem Perdana Universiti





12.0

**KECEMERLANGAN
MAHASISWA &
PEMERKASAAN
HOLISTIK**

Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerksaan Holistik

Pemerksaan Mahasiswa (TUAH UTeM): Program Bersama Mahasiswa


Tahun 2022 merupakan Pasca COVID-19 yang mencabar terutama dalam mendepani cabaran yang kritikal dalam pemerksaan TUAH UTeM. Melalui konsep pelajar UTeM adalah TUAH, segala program yang dijalankan menerapkan keupayaan dan kebolehan pelajar UTeM sebagai TUAH UTeM yang profesional, beretika, ihsan dan daya juang yang tinggi. Oleh yang demikian, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) melalui Unit Aktiviti & Kepimpinan Pelajar berusaha untuk memperksa aktiviti pembangunan pelajar yang holistik, keusahawanan dan seimbang melalui kerjasama yang erat bersama semua Fakulti dan Pusat Tanggungjawab.

Sepanjang tahun 2022, menyaksikan penglibatan pelajar secara aktif melalui **229 program atau aktiviti pelajar berimpak tinggi** yang telah dianjurkan daripada pelbagai kelab, persatuan, fakulti, sekretariat, badan beruniform dan anjuran luar. Secara umumnya, program yang dijalankan ini merangkumi 8 Dimensi (Teras) iaitu Akademik dan Kerjaya, Etika dan Rohani, Pengurusan & Kepimpinan, Keusahawanan, Sukan & Rekreasi, Budaya & Identiti Nasional, Sukarelawan dan Teknikal & Inovasi.


Penglibatan seramai **30,179 orang pelajar secara aktif** dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui persatuan, kelab, sekretariat, badan beruniform yang dianggotai oleh pelajar UTeM dan juga dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta (pihak industri) atau komuniti setempat. Penglibatan pelajar dalam kegiatan berpersatuan berupaya meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan organisasi, berkomunikasi, kepimpinan dan jati diri bagi membentuk pelajar yang holistik, seimbang akademik dan kokurikulum, berdaya saing serta mampu menempatkan diri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Jadual 41 Pelaksanaan Program Berimpak bagi Tahun 2022

Bil	Dimensi TUAH	Jumlah Program	Jumlah Penyertaan
1.	Akademik & Kerjaya	13	1988
2.	Pengurusan & Kepimpinan	42	2431
3.	Budaya & Identiti Nasional	53	5699
4.	Kebajikan & Sukarelawan	13	4969
5.	Sukan & Rekreasi	75	10279
6.	Etika & Kerohanian	23	4512
7.	Keusahawanan	1	8
8.	Teknikal & Inovasi	9	293
Jumlah		229	30179



Rajah 36 Jumlah keseluruhan program yang dijalankan sehingga 31 Disember 2022



Rajah 37 Jumlah penyertaan pelajar sehingga 31 Disember 2022

Jadual 42 Pencapaian TUAH di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Bil	KPI	Pencapaian Tahun 2022	Program
1.	Bilangan Penerima Biasiswa		
	Petunjuk :	Penerima Biasiswa Atlet Pelajar	
	1. Penerima Biasiswa Sukan KPT	1. Mohd Syahrin Nazly bin Abdul Karim (FTMK) - Taekwondo (Kementerian Belia dan Sukan)	
	2. Penerima Biasiswa Sukan KBS	2. Muhammad Faiz bin Mohd Kamal (FKEKK) – Taekwondo (Kementerian Pendidikan Tinggi)	
	3. Atlet yang menerima Biasiswa Lain	3. Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi (FKE) - Olahraga (Jabatan Perkhidmatan Awam)	

Bil	KPI	Pencapaian Tahun 2022	Program
2.	Bilangan anugerah dan pengiktirafan yang diterima di Peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa	A. Penerima Pingat Bagi Penyertaan Kejohanan Sukan:	
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi (FKE) – Merejam lembing, pingat perak (Kejohanan AUG Thailand) 2. Hafiy Hibatullah bin Mohd Zahid (FTMK) – Mendayung, pingat perak (Kejohanan AUG Thailand) 3. Muhammad Iman Hakimi bin Aznan (FTMK) – bola sepak, pingat perak (Kejohanan AUG Thailand) 	Sukan Universiti ASEAN 2022 Ubon Ratchathani, Thailand (30 Julai-6 Ogos 2022)
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Muhammad Aiman bin Azali (FTMK) – Silat Olahraga, pingat gangsa (Kejohanan SUKIPT 2022) 2. Nurfarah Hanim binti Nor Asmawi (FPTT) – Silat Olahraga, pingat gangsa (Kejohanan SUKIPT 2022) 3. Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi (FKE) – Merejam lembing, pingat emas (Kejohanan SUKIPT 2022) 	Kejohanan SUKIPT 2022
		<p>Johan Berpasukan Wanita IPT 2022</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ida Rohayu binti Abd Karim (B062110093) 2. Nurizzah Liyana binti Mohd Apendi (B062110186) 3. Nurul Farah Nissa binti Abd Wasi (B052110146) 4. Nurul Izzah binti Saipul Azhar (B082110087) <p>Tempat ke 4 Lebuhraya Berpasukan Pelajar Lelaki IPT</p> <p>Lebuhraya Individu Pelajar Lelaki IPT No 11 - Bazil Suhaimi bin Buang (B091910225)</p>	Penyertaan dan Penganjuran Varsity Cycling Challenge 2022, Parit Sulong, Johor (25-26 Mac 2022)

Bil	KPI	Pencapaian Tahun 2022	Program
		No 17 - Wan Muhammad Izzat bin Wan Zin (B081810274) No 18 - Muhammad Shahrul bin Kadid (B081910093) No 33 - Muhammad Afiq bin Normizam (B082010035) DNF -Muhamad Amri bin Mohd Bakhir (B021810035) Penyertaan 50 peserta dari Kelab Pelajar	
		Pingat emas acara lembing Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi (FKE)	Penyertaan <i>MAF National Athletics Championships 2022</i> Anjuran Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) di Bukit Jalil, Kuala Lumpur (5-6 Mac 2022)
		Pingat emas acara merejam lembing lelaki Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi (FKE) Pingat perak acara 400 meter berpagar lelaki Syed Fazeel Shah bin Syed Anwar Shah (FTMK)	Penyertaan Kejohanan Olahraga Sirkuit 1 2022 Anjuran KPT di Stadium Austin, Johor Baharu (18-20 Mac 2022)
		Pingat emas acara rejam lembing Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi (FKE) Pingat gangsa acara 400 meter berpagar Syed Fazeel Shah bin Syed Anwar Shah (FTMK) Tempat ke 10 keseluruhan dari 29 IPTA	Penyertaan Kejohanan Olahraga Sirkuit 2 (Utara) 2022 Anjuran KPT di Stadium Kangar, Perlis (20-22 Mei 2022)
		Pingat perak <i>acara women under 23 lightweight</i> 500 meter Ramona Shakirah binti Abdul Mutalib (FKE) Pingat perak <i>acara men relay</i> 500 meter x 4 bawah 23 tahun 1. Muhammad Fikri bin Zainuddin (FKM) 2. Muhammad Hazeeq bin Hamid (FKP) 3. Muhammad Sufi Aiman bin Shafee (FKM)	Kejohanan <i>Penang Rowing Indoor Championships 2022</i> (5-6 Ogos 2022)

Bil	KPI	Pencapaian Tahun 2022	Program
		<p>4. Ahmad Aiman Haziq bin Ahmad Syamsul (FTKMP)</p> <p>Pingat perak acara Women Relay bawah 23, 500 meter × 4</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nur Atikah binti Yuszaile (FPTT) 2. Eirtiqah binti Romsani (FPTT) 3. Nur Azmina Anis binti Azmi (FKEKK) 4. Siti Sakinah binti Saliman (FKM) <p>Pingat gangsa acara lelaki bawah 19 tahun 500 meter Aidil Nasim bin Apendi (FKP)</p> <p>Pingat gangsa acara women bawah 23 tahun <i>lightweight</i> 2 kilometer Ramona Shakirah binti Abdul Mutalib (FKE)</p> <p>Pingat gangsa acara <i>women open</i> 500 meter Nur Atikah binti Yuszailee (FPTT)</p> <p>Pingat gangsa acara <i>women under 23 lightweight</i> 500 meter Nadia Najwa binti Zulkifli (FKEKK)</p> <p>Pingat Gangsa acara <i>women open relay</i> 500 meter × 4</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Suhaila binti Sharif (FKE) 2. Siti Hajar binti Ibrahim (FKM) 	

Bil	KPI	Pencapaian Tahun 2022	Program
		3. Ramona Shakirah binti Abd Mutalib (FKE) 4. Nadia Najwa binti Zulkifli (FKEKK)	
		B.Pengiktirafan Sukan yang diterima di Peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa:	
		Atlet Terbaik Universiti (Lelaki) : Hamdanwahid bin Rinaldi (FKP) Atlet Terbaik Universiti (Wanita) : Anis Amira binti Basri (FKM) Olahragawan MASUM : Hamdanwahid bin Rinaldi (FKP)	Majlis Anugerah Sukan MASUM 2019 Bertempat di Hotel Holiday Inn, Melaka (10 Februari 2022)
3.	Bilangan pelajar yang diiktiraf sebagai Mentor/ Hakim/ Jurulatih di peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa	Pelantikan Pelajar di Peringkat Universiti, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa:	
	Petunjuk : 1. Mempunyai sijil Kejurulatihan / kelayakkan	1. Syed Fadzeel Shah bin Syed Anwar Shah (FTMK) - Pengadil Bola Sepak Kebangsaan 2. Ahmad `Imran bin Ahmad Zahir (FKM) - Pengadil Bola Sepak Kebangsaan 3. Kugannan A/L Segaran (FTKEE) - Pengadil Hoki Kebangsaan 4. Muhammad Farhan bin Ibrahim (FKP) - Jurulatih Esports Kebangsaan 5. Sharmmaragan A/L Murali (FTKEE) - Mentor Karate (Pemegang Tali Pinggang Hitam)	

Bimbingan dan Kaunseling Pelajar

Perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar UTeM oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling Pelajar, HEPA. Unit ini berperanan dalam menyeimbangkan kesejahteraan emosi dan keintelektualan pelajar. Perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar ini meliputi aspek kaunseling, bimbingan, konsultasi, pengujian dan pengukuran psikologi, pelaksanaan aktiviti/program pencegahan, pemulihan dan perkembangan pelajar. Perkhidmatan yang diberikan ini bukan sahaja dilaksanakan secara bersemuka tetapi juga dilaksanakan secara dalam talian.

Antara perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tahun 2022 adalah seperti Program Motivasi dan Pencapaian Akademik (8 program), Program Kesihatan Mental (20 program) Program Kepimpinan, Pencarian Bakat & *Roadshow* (12 program) dan Saringan Minda Sihat (4 fasa). Seramai 955 orang pelajar UTeM telah melalui sesi bimbingan, kaunseling dan konsultasi bersama Unit Bimbingan dan Kaunseling Pelajar bagi tahun 2022. Selain itu, 1,206 orang pelajar telah terlibat dalam program motivasi dan pencapaian akademik yang dianjurkan oleh unit ini. Terdapat 20 program kesihatan mental yang telah dianjurkan dan ia melibatkan pelajar daripada pelbagai fakulti secara bersemuka dan secara dalam talian.

Unit Bimbingan dan Kaunseling turut menganjurkan program kepimpinan, pencarian bakat dan roadshow yang melibatkan sejumlah 1,542 orang pelajar UTeM. Saringan minda sihat secara berfasa (1-4) telah melibatkan sejumlah 5,115 orang pelajar UTeM. Secara keseluruhan, sepanjang tahun 2022, perkhidmatan bimbingan, kaunseling, konsultasi serta pelbagai aktiviti unit ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah memberi impak yang tersendiri.

Kebajikan Pelajar

Aspirasi Tahun 2022: Fokus Kebajikan

Selepas pasca COVID-19, kesan ekonomi global telah memberi kesan yang besar kepada kos sara hidup rakyat termasuk pelajar. Rentetan perkara ini, pihak HEPA terus menjadikan kebajikan pelajar sebagai fokus utama dan tunjang dalam memastikan keperluan-keperluan pelajar diberi perhatian di sepanjang pengajian di UTeM. Perkara ini telah diambil perhatian secara serius memandangkan 62% dari keseluruhan pelajar di UTeM adalah dalam kumpulan keluarga berpendapatan B40. Sehubungan itu, pihak HEPA di bawah Unit Kebajikan telah mengambil berbagai pendekatan dan inisiatif merangka program dan aktiviti dalam menjuarai dan mendepani hal ehwal kebajikan pelajar sepanjang tahun 2022.

Inisiatif utama tahun 2022 yang membanggakan adalah dengan strategi-strategi yang komprehensif dan sinergi telah berjaya meningkatkan prestasi perolehan sumbangan sehingga berjumlah **RM12,507,259.00**. Jumlah sumbangan yang diperolehi ini adalah antara yang tertinggi yang diperolehi dan telah memberi sumbangan yang begitu besar kepada pelajar melibatkan **6,748** pelajar. Pelbagai inisiatif bantuan hasil sumbangan ini diterima terutama dari agensi kerajaan, pihak swasta, badan-badan korporat dan pihak perseorangan dalam bentuk bantuan zakat, bantuan kewangan, bentuk barangan seperti komputer riba (peranti) dan lain-lain bentuk sumbangan.

Jadual 43 Prestasi agihan bantuan kewangan, bantuan zakat & peranti siswa tahun 2022

Bil	Jenis Bantuan	Jumlah Pelajar (Orang)	Jumlah (RM)
Rajah 48 Jumlah Staf Akademik Yang Memperolehi Sijil Jurutera Profesional Bagi Tahun 2022



Staf akademik yang berjaya memperolehi Sijil Jurutera Profesional (Ir.) pada tahun 2022



14.0

**PRESTASI DAN
LAPORAN
KEWANGAN**

Prestasi dan Laporan Kewangan

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN UTeM

Pendapatan Keseluruhan

Pendapatan keseluruhan Kumpulan UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM373,971,230 berbanding RM332,667,452 pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM41,303,778 (12.4%) disebabkan oleh pelepasan terhadap sekatan geran mengurus Kerajaan sebanyak RM30,969,400 pada 22 Disember 2022 dan peningkatan dalam pelbagai pendapatan. Universiti juga telah mencatatkan peruntukan tambahan geran mengurus Kerajaan berjumlah RM8,774,000 berdasarkan arahan khusus daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Daripada jumlah pendapatan keseluruhan Kumpulan UTeM tahun 2022, sebanyak RM352,544,709 (94.2%) merupakan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang terdiri daripada pemberian geran mengurus Kerajaan sebanyak RM242,818,000, geran pembangunan yang dilunaskan sebanyak RM27,368,681, geran penyelidikan yang dilunaskan sebanyak RM5,272,937, geran pembangunan PFI yang dilunaskan sebanyak RM34,846,853, geran amanah yang dilunaskan sebanyak RM4,954,978, geran peruntukan khas yang dilunaskan sebanyak RM1,313,067 dan pelbagai pendapatan sebanyak RM35,970,193. Pelbagai pendapatan ini adalah terdiri daripada yuran dan hasil pelajar sebanyak RM32,508,055, denda dan gantirugi sebanyak RM1,387,120 dan pelbagai urus niaga bukan pertukaran lain sebanyak RM2,075,018. Manakala sejumlah RM9,084,165 (2.5%) merupakan hasil daripada urus niaga pertukaran yang terdiri daripada sewa, jualan dan pelbagai hasil sebanyak RM2,757,343 dan faedah dan keuntungan sebanyak RM6,326,822. Seterusnya, sejumlah RM12,342,356 (3.3%) adalah lain-lain pendapatan yang terdiri daripada hasil perkhidmatan akademik dan amanah sebanyak RM10,298,996, pelbagai pendapatan lain sebanyak RM1,849,362, dan pendapatan daripada dana wakaf dan endowmen sebanyak RM193,998.


Pada tahun 2022, syarikat induk UTeM iaitu UTeM Holdings Sdn. Bhd. telah menyumbang dividen sebanyak RM2,900,000 berbanding RM2,000,000 pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM900,000 (45.0%).

Perbelanjaan Keseluruhan

Perbelanjaan keseluruhan Kumpulan UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM343,717,891 berbanding RM324,252,920 pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM19,464,971 (6.0%) disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan dan perbelanjaan gantian cuti rehat bagi staf yang memohon penebusan awal sebanyak 80 hari mulai tahun 2022 yang menggunakan sumber dalaman Universiti.

Perbelanjaan Kumpulan UTeM ini terdiri daripada emolumen sebanyak RM179,166,491 (52.1%), perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM109,187,324 (31.8%), pemberian dan bayaran tetap sebanyak RM10,653,650 (3.1%), susut nilai dan pelunasan sebanyak RM44,444,439 (12.9%) dan perbelanjaan lain dan belanja hutang ragu sebanyak RM265,987 (0.1%). Lebihan pendapatan selepas cukai bagi tahun 2022 ialah sebanyak RM30,217,068 (8.0%).

PERBANDINGAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN 2021 - 2022



Prestasi Kewangan Keseluruhan

Secara perbandingan pada tahun 2021, terdapat peningkatan terhadap pendapatan bersih Kumpulan UTeM pada tahun 2022 disebabkan oleh peningkatan dalam hasil daripada urus niaga bukan pertukaran iaitu penerimaan geran mengurus Kerajaan dan yuran dan hasil pelajar.

KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN UTeM

Aset


Jumlah aset bukan semasa bagi Kumpulan UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM803,724,179 berbanding RM813,037,054 pada tahun 2021, iaitu menurun sebanyak RM9,312,875 (1.1%). Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan dalam amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan.

Jumlah aset semasa pada tahun 2022 ialah sebanyak RM320,759,546 berbanding dengan RM275,772,261 pada tahun 2021, iaitu meningkat sebanyak RM44,987,285 (16.3%) disebabkan oleh peningkatan dalam tunai dan kesetaraan tunai yang terdiri daripada simpanan tetap dan tunai di tangan dan di bank.

Liabiliti

Liabiliti semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM32,140,664 berbanding RM26,813,218 pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM5,327,446 (19.8%) disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah akaun belum bayar yang terdiri daripada pelbagai pemiutang dan penerimaan terdahulu.


Liabiliti bukan semasa pada tahun 2022 ialah berjumlah RM287,704,404 berbanding RM287,574,508 pada tahun 2021. Ianya mencatatkan peningkatan yang tidak ketara iaitu sebanyak RM129,896 (0.1%) disebabkan oleh peningkatan baki pendapatan tertunda yang belum dilunaskan dan peningkatan dalam peruntukan manfaat pekerja.



Tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan UTeM

Tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM310,834,383. Kedudukan tunai dan kesetaraan tunai meningkat sebanyak RM47,995,877 (18.2%) berbanding tahun 2021, iaitu sebanyak RM262,838,506. Ini adalah disebabkan oleh pertambahan aliran tunai masuk daripada aktiviti operasi dan pertambahan aliran tunai masuk daripada aktiviti pembiayaan yang melibatkan penerimaan pelbagai geran khusus. Jumlah tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan UTeM pada tahun 2022 terdiri daripada baki tunai dan kesetaraan tunai dana mengurus, pembangunan, penyelidikan dan pelbagai akaun amanah yang terikat dengan Surat Ikatan Amanah.

PERBANDINGAN ALIRAN TUNAI TAHUN 2021 - 2022



PERGERAKAN ALIRAN TUNAI	2022	2021
Baki awal tunai dan kesetaraan tunai	262,838,506	280,088,792
Tunai bersih untuk aktiviti Operasi	15,834,342	1,149,262
Tunai bersih untuk aktiviti Pelaburan	(24,378,032)	(29,597,159)
Tunai bersih dari aktiviti Pembiayaan	56,539,567	11,197,611
Pengurangan bersih tunai	47,995,877	(17,250,286)
Baki tunai dan kesetaraan tunai	310,834,383	262,838,506
Pecahan tunai dan kesetaraan tunai:		
Simpanan tetap	237,759,419	225,909,524
Tunai di tangan dan di bank	73,074,964	36,928,982
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	310,834,383	262,838,506


PRESTASI KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan Mengurus UTeM

Pendapatan mengurus UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM283,157,705 berbanding RM259,604,577 pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM23,553,128 (9.0%). Daripada jumlah pendapatan mengurus UTeM tahun 2022, sebanyak RM242,818,000 (85.8%) merupakan peruntukan Kerajaan dan bakinya sebanyak RM40,339,705 (14.2%) adalah sumber dalaman UTeM.

Pendapatan mengurus UTeM ini terdiri daripada pendapatan dalam Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pendapatan.


PERBANDINGAN PENDAPATAN MENGURUS TAHUN 2021 DAN 2022



Perbelanjaan Mengurus UTeM

Perbelanjaan mengurus UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM265,694,977 berbanding RM260,097,066 pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM5,597,911 (2.1%). Perbelanjaan mengurus UTeM ini terdiri daripada emolumen sebanyak RM177,791,834 (66.9%), perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM77,754,460 (29.3%), pemberian dan bayaran tetap sebanyak RM3,505,631 (1.3%), susut nilai dan pelunasan sebanyak RM6,428,456 (2.4%) dan perbelanjaan lain dan belanja hutang ragu sebanyak RM214,596 (0.1%).

PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2021 DAN 2022




PRESTASI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan Pembangunan UTeM

Peruntukan pembangunan UTeM yang diterima daripada Kerajaan pada tahun 2022 ialah sebanyak RM70,414,000 berbanding RM34,663,600 pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM35,750,400 (103.1%) berikutan penyaluran peruntukan pembangunan oleh KPT adalah berdasarkan status kemajuan projek pembangunan.

Peruntukan pembangunan UTeM tahun 2022 adalah termasuk geran pembangunan PFI yang diterima sebanyak RM33,714,600 bagi Projek Pajak Konsesi Kolej Kediaman Satria UTeM.

PERBANDINGAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (PEMBERIAN KERAJAAN) TAHUN 2021 DAN 2022




Perbelanjaan Pembangunan UTeM

Perbelanjaan pembangunan UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM63,966,040 berbanding RM59,772,745 pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4,193,295 (7.0%) disebabkan oleh peningkatan dalam susut nilai dan pelunasan aset pembangunan.

Secara keseluruhannya, jumlah Kumpulan Wang Pembangunan UTeM pada 31 Disember 2022 ialah sebanyak RM532,575,610 di mana hampir keseluruhannya adalah dalam bentuk hartanah, loji dan peralatan termasuk bangunan pajakan dan penilaian semula tanah universiti.

Baki geran pembangunan tertunda yang belum dilunaskan pada 31 Disember 2022 ialah sebanyak RM47,507,668.

PERBANDINGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021 DAN 2022




PRESTASI KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peruntukan dan Perbelanjaan Penyelidikan UTeM

Geran dana penyelidikan yang diterima UTeM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM5,721,420 berbanding RM5,191,666 pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM529,754 (10.2%) disebabkan oleh peningkatan dalam penerimaan geran dana penyelidikan Fundamental (FRGS).

Perbelanjaan geran dana penyelidikan pada tahun 2022 ialah sebanyak RM5,883,658 berbanding RM5,658,564 pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM225,094 (3.9%) disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan susut nilai aset penyelidikan.

PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYELIDIKAN TAHUN 2021-2022



ANALISIS PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN KESELURUHAN DAN MENGURUS TAHUN 2022

PERANGKAAAN KEWANGAN PENTING			KUMPULAN			UNIVERSITI		
			2022	2021		2022	2021	
			RM	RM	%	RM	RM	%
I.	Pendapatan	Keseluruhan	373,971,230	332,667,452	12.4	373,216,206	332,630,955	12.2
		• Mengurus - Pemberian Kerajaan	242,818,000	211,270,800	14.9	242,818,000	211,270,800	14.9
		• Mengurus - Sumber Dalaman	37,341,271	46,323,880	-19.4	40,339,705	48,333,777	-16.5
		Jumlah Mengurus	280,159,271	257,594,680	8.8	283,157,705	259,604,577	9.1
II.	Perbelanjaan	Keseluruhan	343,717,891	324,252,920	6.0	352,660,898	336,746,154	4.7
		Mengurus	237,847,677	232,305,446	2.4	265,694,977	260,097,066	2.2
III.	Lebihan/ (Kurangan)	Keseluruhan	30,217,068	8,341,158	262.3	20,555,308	(4,115,199)	599.5
		Mengurus	42,311,594	25,289,234	67.3	17,462,728	(492,489)	3,645.8
IV.	Lebihan Terkumpul	Keseluruhan	804,638,657	774,421,589	3.9	614,406,862	593,851,554	3.5
		Mengurus	208,862,655	174,935,776	19.4	641,541	(8,436,472)	-107.6
V.	Aset Bukan Semasa	803,724,179	813,037,054	-1.1	608,506,260	616,341,913	-1.3	
VI.	Aset Semasa	320,759,546	275,772,261	16.3	285,116,865	247,362,535	15.3	
VII.	Liabiliti Semasa	32,140,664	26,813,218	19.9	23,420,328	19,618,792	19.4	
VIII.	Liabiliti Bukan Semasa	287,704,404	287,574,508	0	255,795,935	250,234,102	2.2	
IX.	Aset Bersih/Ekuiti	804,638,657	774,421,589	3.9	614,406,862	593,851,554	3.5	
X.	Tunai Dan Kesetaraan Tunai	• Simpanan Tetap	237,759,419	225,909,524	5.2	236,440,265	221,058,928	7.0
		• Wang di Tangan dan di Bank	73,074,964	36,928,982	97.9	32,941,231	11,466,634	187.3
		Jumlah Tunai	310,834,383	262,838,506	18.3	269,381,496	232,525,562	15.9
XI.	Nisbah Kewangan							
	a) Lebihan(Kurangan)/Pendapatan	8.08%	2.51%		5.51%	-1.24%		
	b) Aset Semasa/Liabiliti Semasa	9.98	10.28		12.17	12.61		
	c) Aset Mudah Cair/Liabiliti Semasa	9.67	9.80		11.50	11.85		
	d) Jumlah Hutang/Jumlah Aset	0.28	0.29		0.31	0.31		



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:



- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.




Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 OGOS 2023



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, DATUK SERI DR. HAJI HASIM BIN HASAN dan PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



DATUK SERI DR. HAJI HASIM BIN HASAN
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh :
Melaka

30/3/2023

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, SABARINA BINTI ABDULLAH, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas,)
SABARINA BINTI ABDULLAH, di negeri Melaka)
pada 30 MAR 2023)



SABARINA BINTI ABDULLAH
NO. K/P : 770905-04-5432

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2022 RM	2021 RM Dinyatakan semula	2022 RM	2021 RM Dinyatakan semula	
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	542,584,687	566,250,061	526,371,768	548,559,920
Pembinaan Dalam Kemajuan	4	68,148,245	54,463,648	68,148,245	54,463,648
Aset Tak Ketara	5	2,347,827	1,336,613	2,347,827	1,336,613
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal	6	-	-	1,000,000	1,000,000
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	7	5,000	5,000	-	-
Hartanah Pelaburan	8	180,000,000	180,000,000	-	-
Akaun Belum Terima	9	10,638,420	10,981,732	10,638,420	10,981,732
Jumlah Aset Bukan Semasa		803,724,179	813,037,054	608,506,260	616,341,913
ASET SEMASA					
Akaun Belum Terima	9	2,802,282	3,060,690	2,160,676	2,328,892
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	10	2,403,670	1,846,224	2,403,670	1,846,224
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	11	3,496,075	3,503,234	9,947,887	10,163,250
Pendapatan Terakru		1,223,136	498,607	1,223,136	498,607
Pelaburan Lain	12	-	4,025,000	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	13	310,834,383	262,838,506	269,381,496	232,525,562
Jumlah Aset Semasa		320,759,546	275,772,261	285,116,865	247,362,535
JUMLAH ASET		1,124,483,725	1,088,809,315	893,623,125	863,704,448
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat Pekerja	26	44,343,501	43,827,643	44,343,501	43,827,643
Pajakan Kewangan	27	142,804,714	145,448,669	142,804,714	145,448,669
Pinjaman Berjangka	28	31,908,469	37,340,406	-	-
Pendapatan Tertunda	29	68,647,720	60,957,790	68,647,720	60,957,790
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		287,704,404	287,574,508	255,795,935	250,234,102
LIABILITI SEMASA					
Manfaat Pekerja	26	754,969	1,681,206	754,969	1,681,206
Akaun Belum Bayar	30	21,612,906	16,987,156	19,354,855	14,936,573
Pajakan Kewangan	27	3,310,504	3,001,013	3,310,504	3,001,013
Pinjaman Berjangka	28	6,434,206	5,126,535	-	-
Peruntukan Cukai		28,079	17,308	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		32,140,664	26,813,218	23,420,328	19,618,792
JUMLAH LIABILITI		319,845,068	314,387,726	279,216,263	269,852,894
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		804,638,657	774,421,589	614,406,862	593,851,554
MODAL DAN RIZAB					
Kumpulan Wang Mengurus	14	155,953,511	119,710,305	(59,037,933)	(67,440,131)
Kumpulan Wang Pembangunan	15	462,872,315	468,424,363	462,872,315	468,424,363
Kumpulan Wang Penyelidikan	16	8,888,857	5,922,872	8,888,857	5,922,872
Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	17	69,703,295	65,901,753	69,703,295	65,901,753
Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan	18	8,000,000	8,000,000	8,000,000	8,000,000
Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer	19	600,000	600,000	600,000	600,000
Kumpulan Wang Pendapatan	20	52,909,144	55,225,471	59,679,474	59,003,659
Kumpulan Wang Amanah	21	61,719,769	51,101,508	61,804,031	51,146,326
Kumpulan Wang Peruntukan Khas	22	1,391,960	1,868,250	1,391,960	1,868,250
Kumpulan Wang Perundingan	23	232,863	172,462	304,863	224,462
Kumpulan Wang Pembiayaan Peralatan Sukan	24	200,000	200,000	200,000	200,000
Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul Entiti yang Dikawal	25	(17,833,057)	(2,705,395)	-	-
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		804,638,657	774,421,589	614,406,862	593,851,554

Nota-nota di muka surat 7 hingga 40 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM	
PENDAPATAN					
Pendapatan daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	31	352,544,709	314,392,492	352,398,259	314,392,492
Pendapatan daripada Urus Niaga Pertukaran	32	9,084,165	6,759,210	10,777,773	8,352,673
Lain-lain Pendapatan	33	12,342,356	11,515,750	10,040,174	9,885,790
		<u>373,971,230</u>	<u>332,667,452</u>	<u>373,216,206</u>	<u>332,630,955</u>
PERBELANJAAN					
Emolumen	34	179,166,491	173,744,502	177,791,834	172,306,117
Perkhidmatan dan Bekalan	35	109,187,324	98,622,522	123,575,544	116,134,466
Pemberian dan Bayaran Tetap		10,653,650	3,560,549	10,576,182	3,560,549
Perbelanjaan Lain		74,773	64,002	24,773	1,940
Susut Nilai	3	42,797,809	46,422,519	38,854,721	42,904,256
Belanja Pelunasan		1,646,630	1,539,943	1,646,630	1,539,943
Belanja Hutang Ragu		191,214	298,883	191,214	298,883
		<u>343,717,891</u>	<u>324,252,920</u>	<u>352,660,898</u>	<u>336,746,154</u>
LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM CUKAI		30,253,339	8,414,532	20,555,308	(4,115,199)
PERBELANJAAN CUKAI	36	<u>36,271</u>	<u>73,374</u>	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI		<u>30,217,068</u>	<u>8,341,158</u>	<u>20,555,308</u>	<u>(4,115,199)</u>
JUMLAH LEBIHAN/(KURANGAN) DIAGIHKAN KEPADA:					
UNIVERSITI		30,217,068	8,341,158	20,555,308	(4,115,199)
KEPENTINGAN MINORITI		-	-	-	-
		<u>30,217,068</u>	<u>8,341,158</u>	<u>20,555,308</u>	<u>(4,115,199)</u>

Nota-nota di muka surat 7 hingga 40 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSHIEKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Inisiatif Swasta (PFI)	Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan	Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Peruntukan Khas	Kumpulan Wang Perundingan	Kumpulan Wang Pembelian Peralatan Sukan dan Rekreasi	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul Erhiti Yang Dikawal	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2022													
Baki pada 1 Januari 2022	(67,440,131)	468,424,363	5,922,872	65,901,753	8,000,000	800,000	59,003,659	51,146,326	1,868,250	224,462	200,000	-	593,851,554
Pelarasan													
Baki selepas Pelarasan	(67,440,131)	468,424,363	5,922,872	65,901,753	8,000,000	800,000	59,003,659	51,146,326	1,868,250	224,462	200,000	-	593,851,554
Geran Kerajaan	242,818,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	242,818,000
Geran yang Diluluskan	-	27,368,681	5,272,697	34,846,863	-	-	-	4,954,978	1,313,067	-	-	-	73,756,516
Pendapatan Lain	5,416,749	-	287,705	-	-	-	34,922,966	14,890,567	-	1,133,713	-	-	55,641,690
(-) Pebelanjaan	180,784,618	495,793,044	11,483,514	100,748,606	8,000,000	800,000	83,926,615	70,881,871	3,181,317	1,356,175	200,000	-	967,067,760
	(231,447,836)	(32,920,729)	(5,883,658)	(31,045,311)	-	-	(34,247,141)	(14,273,554)	(1,789,357)	(1,053,312)	-	-	(352,660,898)
	(50,653,218)	462,872,315	5,589,856	69,703,285	8,000,000	800,000	59,679,474	56,705,317	1,391,960	304,883	200,000	-	614,406,862
	(6,384,715)	-	3,289,001	-	-	-	-	5,095,714	-	-	-	-	-
Pindahan antara Kumpulan Wang													
Baki pada 31 Disember 2022	(59,037,933)	462,872,315	8,888,857	69,703,285	8,000,000	800,000	59,679,474	61,804,031	1,391,960	304,883	200,000	-	614,406,862
2021													
Baki pada 1 Januari 2021	24,469,877	478,899,631	7,612,185	(19,449,108)	8,000,000	600,000	56,462,689	40,392,280	448,199	-	-	-	597,466,753
Pelarasan	(63,038,546)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki selepas Pelarasan	(38,568,669)	478,899,631	7,612,185	(19,449,108)	8,000,000	600,000	56,462,689	40,392,280	448,199	-	-	-	597,466,753
Geran Kerajaan	211,270,800	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	211,270,800
Geran yang Diluluskan	-	17,896,249	2,691,787	33,713,543	-	-	-	2,146,162	3,810,036	-	-	-	60,259,777
Pendapatan Lain	4,434,916	-	1,277,464	-	-	-	43,898,861	10,895,982	-	793,155	-	-	61,100,378
(-) Pebelanjaan	157,167,047	496,785,880	11,581,436	97,302,981	8,000,000	800,000	100,361,550	53,236,424	4,259,235	793,155	-	-	930,097,708
	(218,239,175)	(28,371,517)	(5,658,564)	(31,401,228)	-	-	(41,857,891)	(8,256,101)	(2,390,965)	(668,693)	-	-	(336,746,154)
Pindahan antara Kumpulan Wang	(61,072,128)	468,424,363	5,922,872	65,901,753	8,000,000	800,000	58,503,659	44,978,323	1,868,250	224,462	-	-	593,351,554
	(6,368,003)	-	-	-	-	-	-	6,168,003	-	-	200,000	-	-
Baki pada 31 Disember 2021	(67,440,131)	468,424,363	5,922,872	65,901,753	8,000,000	800,000	58,503,659	51,146,326	1,868,250	224,462	200,000	-	593,351,554
(seperti yang dinyatakan terdahulu)													
Pelarasan							500,000	-	-	-	-	-	500,000
Baki pada 31 Disember 2021	(67,440,131)	468,424,363	5,922,872	65,901,753	8,000,000	800,000	59,003,659	51,146,326	1,868,250	224,462	200,000	-	593,851,554
(seperti yang dinyatakan semula)													

Nota-nota di muka surat 7 hingga 40 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2022 RM	2021 RM Dinyatakan semula	2022 RM	2021 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	30,253,339	8,414,532	20,555,308	(4,115,199)
Pelarasan untuk :				
Pelunasan Geran	(73,756,516)	(60,259,777)	(73,756,516)	(60,259,777)
Faedah, Keuntungan dan Dividen Diterima	(6,520,820)	(5,094,894)	(8,979,104)	(6,974,547)
Manfaat Pekerja	3,649,081	(11,217,985)	3,649,081	(11,217,985)
Susut Nilai	42,797,809	46,422,519	38,854,721	42,904,256
Belanja Pelunasan	1,646,630	1,539,943	1,646,630	1,539,943
Belanja Hutang Ragu	191,214	298,883	191,214	298,883
Faedah Pajak	21,267,132	21,590,675	21,267,132	21,590,675
Pelarasan Pengkelasan Akaun	835,740	950,108	835,740	950,108
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(172,241)	(11,176)	(172,241)	(11,176)
Kerugian atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	48	1,939	48	1,939
Lebihan/(Kurangan) Operasi sebelum perubahan Modal Kerja	20,191,416	2,634,767	4,092,013	(15,292,880)
Pengurangan/(pertambahan) dalam Akaun Belum Terima	65,737	436,484	(24,455)	81,710
Pengurangan/(pertambahan) dalam Urus Niaga Bukan				
Pertukaran Belum Terima	(591,508)	62,910	(591,508)	62,910
(Pertambahan)/pengurangan dalam Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	7,159	(114,897)	215,363	(1,370,174)
Pengurangan dalam Pendapatan Terakru	(724,529)	56,570	(724,529)	56,570
Pengurangan/(pertambahan) dalam Akaun Belum Bayar	971,027	58,135	763,559	937,733
Tunai (untuk)/daripada Aktiviti Operasi	19,919,302	3,133,969	3,730,443	(15,524,131)
Manfaat Pekerja Dibayar	(4,059,460)	(1,928,110)	(4,059,460)	(1,928,110)
Cukai Dibayar	(25,500)	(56,597)	-	-
Tunai Bersih (untuk)/daripada Aktiviti Operasi	15,834,342	1,149,262	(329,017)	(17,452,241)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Faedah dan Keuntungan Diterima	6,520,820	5,094,894	6,079,104	4,974,547
Dividen Diterima	-	-	2,900,000	2,000,000
Pelaburan Lain	4,025,000	(4,025,000)	-	-
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	-	(5,000)	-	-
Penerimaan Pinjaman Kenderaan/Komputer/Peralatan	1,601,215	1,500,403	1,601,215	1,500,403
Bayaran Pinjaman Kenderaan/Komputer/Peralatan	(1,222,384)	(1,482,000)	(1,222,384)	(1,482,000)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(12,829,038)	(19,048,916)	(10,363,172)	(14,675,988)
Pembelian Aset Tak Ketara	(2,138,016)	(787,586)	(2,138,016)	(787,586)
Terimaan Hasil Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	173,168	11,553	173,168	11,553
Pembayaran Pembinaan dalam Kemajuan	(20,508,797)	(10,855,507)	(20,508,797)	(10,855,507)
Tunai Bersih untuk Aktiviti Pelaburan	(24,378,032)	(29,597,159)	(23,478,882)	(19,314,578)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran Pajak Kewangan	(24,437,336)	(24,879,624)	(24,437,336)	(24,879,624)
Penerimaan Pinjaman Berjangka	-	-	-	-
Pembayaran Pinjaman Berjangka	(4,124,266)	(5,198,547)	-	-
Penerimaan Pelbagai Geran Khusus	85,101,169	41,275,782	85,101,169	41,275,782
Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan	56,539,567	11,197,611	60,663,833	16,396,158
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai				
	47,995,877	(17,250,286)	36,855,934	(20,370,661)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	262,838,506	280,088,792	232,525,562	252,896,223
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	13 310,834,383	262,838,506	269,381,496	232,525,562
Tunai dan Kesetaraan Tunai termasuk :				
Simpangan Tetap	237,759,419	225,909,524	236,440,265	221,058,928
Tunai di Tangan dan di Bank	73,074,964	36,928,982	32,941,231	11,466,634
13	310,834,383	262,838,506	269,381,496	232,525,562

Nota-nota di muka surat 7 hingga 40 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA	JUMLAH BAJET		JUMLAH SEBENAR	VARIAN BAJET
	Asal RM	Akhir RM		
PENERIMAAN				
Peruntukan/Pemberian Kerajaan	234,044,000	242,818,000	242,818,000	-
Yuran dan Hasil Pelajar	39,450,000	39,450,000	35,481,493	(3,968,507)
Sewa, Jualan dan Pelbagai Hasil	1,210,000	1,210,000	2,033,601	823,601
Faedah, Keuntungan dan Dividen	20,950,000	20,950,000	8,979,104	(11,970,896)
JUMLAH PENERIMAAN	295,654,000	304,428,000	289,312,198	(15,115,802)
PERUNTUKAN				
Emolumen				
Gaji dan Upahan	128,677,072	129,053,372	122,374,296	6,679,076
Elaun Tetap	32,907,970	31,368,170	30,871,200	496,970
Sumbangan Berkanun	20,080,731	21,480,731	21,306,778	173,953
Elaun Lebih Masa	1,074,000	865,772	827,619	38,153
Faedah Kewangan yang Lain	225,600	2,449,230	2,411,940	37,290
	182,965,373	185,217,275	177,791,833	7,425,442
Perkhidmatan dan Bekalan				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	2,070,000	3,301,542	2,186,260	1,115,282
Pengangkutan Barang-barang	4,086,000	4,295,546	241,346	4,054,200
Perhubungan dan Utiliti	12,134,413	12,116,873	10,320,107	1,796,766
Sewaan	29,557,570	29,589,008	29,548,119	40,889
Bahan Makanan dan Minuman	50,000	-	-	-
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	887,195	894,116	710,771	183,345
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	2,040,600	3,658,980	2,526,888	1,132,092
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	4,677,000	5,272,283	4,444,967	827,316
Perkhidmatan yang Lain	31,363,610	37,501,467	28,289,611	9,211,856
	86,866,388	96,629,815	78,268,069	18,361,746
Harta Modal				
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	1,550,000	3,877,340	3,270,227	607,113
Kemudahan Infrastruktur dan Pembaikan	1,000,000	2,580,510	2,171,445	409,065
Alat Kelengkapan dan Perabot	733,500	1,369,602	1,029,835	339,767
Inventori/Alat Tak Luak	166,500	560,518	484,921	75,597
Aset Tak Ketara	3,200	20,617	19,346	1,271
	3,453,200	8,408,587	6,975,774	1,432,813
Pemberian dan Bayaran Tetap				
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	1,600,000	1,600,000	696,233	903,767
Pemberian Dalam Negeri	1,215,893	1,280,912	1,166,262	114,650
Tuntutan Insuran dan Pampasan	100,000	116,299	116,299	-
Ganjaran	130,000	130,000	124,088	5,912
Gantian Cuti Rehat	1,121,864	2,203,884	1,199,806	1,004,078
	4,167,757	5,331,095	3,302,688	2,028,407
JUMLAH	277,452,718	295,586,772	266,338,364	29,248,408

Nota

- Bajet Asal merupakan bajet awal tahun yang diluluskan oleh Kerajaan/Lembaga Pengarah Universiti bagi satu tempoh bajet.
- Bajet Akhir merupakan bajet asal mengambil kira semua tambahan/kurangan peruntukan serta pindah peruntukan bagi satu tempoh bajet untuk menampung keperluan perbelanjaan.
- Amaun Sebenar merupakan perbelanjaan dan tanggungan yang terhasil bagi satu tempoh bajet.
- Varian Bajet merupakan perbezaan di antara bajet akhir dan amaun sebenar bagi satu tempoh bajet.
- Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus iaitu pemberian kerajaan dan sumber dalaman (Rizab).

Nota-nota di muka surat 7 hingga 40 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT AM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) sebagai Universiti teknikal pertama di Malaysia.

Aktiviti utama UTeM ialah mengadakan, memajukan dan mengembangkan pendidikan tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu serta mengadakan penyelidikan, pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian. UTeM memfokuskan kepada bidang kejuruteraan, ICT dan pengurusan teknologi.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti yang berakhir 31 Disember 2022 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada **30 Mac 2023**.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Universiti dan entiti yang dikawal oleh Universiti.

Mulai tahun kewangan 2020, Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Penyata Kewangan entiti yang dikawal telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti ini adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan MPSAS dan merupakan penyata kewangan dalam tempoh peralihan. Sebelum ini, penyata kewangan Kumpulan dan Universiti telah menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) mulai Penyata Kewangan tahun 2016.

Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan di bawah.

Penyata kewangan ini disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Universiti dan anak syarikat iaitu entiti yang dikawal oleh Universiti. Kawalan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Keuntungan dan perbelanjaan entiti yang dikawal disertakan dalam penyata kewangan Kumpulan bermula dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh di mana Universiti berhenti mengawal anak syarikat. Apabila Universiti berhenti mengawal anak syarikat, sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan anak syarikat dan nilai dibawa pada tarikh kawalan hilang adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian pada pelupusan anak syarikat.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urus niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama kecuali yang dinyatakan di dalam nota yang berasingan. Penyesuaian yang sewajarnya dilakukan ke atas laporan kewangan entiti yang dikawal bagi memastikan penyata penyatuan Kumpulan disediakan bagi memenuhi keperluan polisi perakaunan yang berkaitan.

Semua baki, urus niaga di antara Kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

2.3 Penggabungan Perniagaan

Penggabungan perniagaan diambil kira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kos penggabungan perniagaan adalah diukur pada agregat nilai saksama, pada tarikh pengambilalihan, aset diberikan, liabiliti yang ditanggungkan atau diandaikan dan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan, sebagai pertukaran kawalan syarikat yang diambil alih, menambah sebarang kos boleh diagihkan secara langsung kepada penggabungan perniagaan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan memperuntukkan kos penggabungan perniagaan dengan mengiktiraf aset boleh dikenal pasti, liabiliti boleh jangka dan liabiliti luar jangka pada nilai saksama, kecuali aset atau liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada aset yang diperolehi dan liabiliti yang ditanggung dalam penggabungan perniagaan dan sesuatu liabiliti atau aset, jika ada, yang berkaitan dengan pengaturan faedah pekerja pemerolehi. Sebarang lebih daripada kos penggabungan perniagaan di atas kepentingan pemerolehi dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti, liabiliti luar jangka adalah direkodkan sebagai muhibah. Sebarang kepentingan bukan kawalan dalam pengambilalihan adalah diukur pada bahagian kepentingan bukan kawalan ke atas amaun yang diiktiraf ke atas aset bersih boleh dikenal pasti yang diperolehi.

Jika selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf melebihi kos penggabungan perniagaan, lebih itu diiktiraf serta-merta dalam keuntungan atau kerugian.

Dalam penyata kewangan yang disatukan, kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih entiti yang dikawal adalah dimasukkan dalam ekuiti. Kumpulan menganggap perubahan dalam kepentingan kawalan Universiti dalam entiti yang dikawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai urus niaga dengan pemegang ekuiti dalam kedudukan mereka sebagai pemegang ekuiti. Justeru, amaun dibawa kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan Universiti dalam aset bersih entiti yang dikawal tersebut. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan demikian dan nilai saksama pertimbangan dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada Universiti. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan ini dan perubahan dalam amaun dibawa aset (termasuk muhibah) atau liabiliti akibat daripada urus niaga tersebut tidak diiktiraf.

2.4 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa Kumpulan dan Universiti mendapat manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan serta kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah pegangan bebas dan pembinaan dalam kemajuan. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf sebagai liabiliti. Sekiranya nilai saksama tidak dapat atau sukar ditentukan, kos andaian atau kos yang dianggap (*deemed cost*) boleh digunakan sebagai pengganti untuk kos perolehan pada tarikh tertentu.

Sesuatu item hartanah, loji dan peralatan yang dibeli dengan nilai kurang daripada RM3,000 diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, item perabot yang dibeli dengan nilai kurang daripada RM3,000 diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Apabila bahagian penting loji dan peralatan perlu diganti secara berkala, kos penggantian tersebut akan dipermodalkan dan disusut nilai berdasarkan jangka hayat kegunaan khususnya. Amaun dibawa bersih bahagian yang diganti akan dinyah iktiraf apabila penggantian berlaku. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan bilamana kos ditanggung.

Amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada penggunaannya atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan hartanah, loji dan peralatan ini dinyatakan sebagai keuntungan atau kerugian dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Susut nilai diperuntukkan berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset meliputi anggaran jangka hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan sama rata sepanjang tempoh pajakan.

Mulai tahun kewangan 2020, kadar susut nilai bagi kemudahan infrastruktur ditentukan pada kadar 5% hingga 20% mengikut jenis dan kategori sesuatu aset di bawah kumpulan aset kemudahan infrastruktur yang akan ditetapkan pengurusan Universiti mengikut kesesuaian berdasarkan pertimbangan yang wajar.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :

Tanah Pajak	98 Tahun
Bangunan	2%
Infrastruktur	5% - 20%
Kenderaan	25%
Perabot dan Peralatan Pejabat	25%
Peralatan Komputer	25%
Peralatan Makmal	25%

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

2.5 Pembinaan dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang belum selesai dan aset yang belum disempurnakan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan sijil bayaran kemajuan. Tiada susut nilai yang diperuntukkan.

Kos pembinaan dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan yang berkenaan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada hartanah, loji dan peralatan berkenaan dalam tahun berkenaan.

2.6 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada hartanah yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, tetapi bukan untuk dijual dalam urus niaga yang biasa, digunakan untuk pembuatan atau pembekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

